

Jilid III  
Bil. 33



Hari Isnin  
28hb Oktober, 1985

**MALAYSIA**

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**

*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KEENAM**

*Sixth Parliament*

**PENGGAL KETIGA**

*Third Session*

## **KANDUNGANNYA**

### **PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:**

Cuti Y.B. Tuan Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar  
Y.B. Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha  
Y.B. Dato' Mohamed bin Rahmat  
Y.B. Tuan Mohammad Idris bin Mohammad Basri  
Y.B. Tuan Omar bin Abdullah—Kebenaran [Kuangan 5457]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 5458]

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**  
[Ruangan 5496]

### **RANGUNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan, 1986 [Ruangan 5496]

### **USUL:**

Anggaran Pembangunan, 1986 [Ruangan 5497]

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

*Penyata Rasmi Parlimen*

### PENGGAL YANG KETIGA

#### AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Kerjaraya, DATO' S, SAMY VELLU, S.P.M.J. D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RTTHAUDDEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam),

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Pelajaran, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ Menteri Penerangan, Dato' Rais Yatim, D.S.N.S. (Jelebu).

- Yang Berhormat Menteri Buruh, DATO' MAX HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' GHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD, KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.j. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN Au How CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZAU, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ TAN SRI DATIN PADUKA HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, P.M.N., D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAHAROM BIN HAJI BAKAR (Padang Terap).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).

- Yang Berhormat TUAN CHAN KOK Krr (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beras).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupa).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.MJ. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ TUAN KADOH BIN AGUNDONG (Ulu Padas).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuata Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).

- Yang Berhormat DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM Krr SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ TUAN LING Sm MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K.(Ulu Nerus).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.IJ., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ DATO MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S (Pontian).
- „ TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ DATO DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.IJ., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).

- Yang Berhormat TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJISAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,  
P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M.  
(Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik  
Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir **Mas**).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K, (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW Foo WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S.,  
K.M.N. (Tanjong Karang).

## **DEWAN RAKYAT**

### **PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### **BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN**

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N, Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

#### *Pemberita-pemberita:*

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

### **BENTARA MESYUARAT**

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA  
**DEWAN RAKYAT**

Isnin, 28hb Oktober, 1985

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

**DOA**

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*  
*pengerusikan Mesyuarat*)

**PENGUMUMAN**

**TUAN YANG DI-PERTUA**

Cuti Y.B. Tuan Haji -Abdul  
Rahim bin Abu Bakar;

Y.B. Tuan Haji Daud bin  
Dato' Haji Taha;

Y.B. Dato' Mohamed bin  
Rahmat;

Y.B. Tuan Mohammad Idris  
bin Mohammad Basri; dan

Y.B. Tuan Omar bin  
Abdullah—Kebenaran.

Oktober, 1985 hingga 8hb  
November, 1985;

(3) Yang Berhormat Dato'  
Mohamed bin Rahmat bagi  
Kawasan Pulau dari 28hb  
Oktober, 1985 hingga 8hb  
November, 1985;

(4) Yang Berhormat Tuan  
Mohammad Idris bin  
Mohammad Basri bagi Kawasan  
Setapak dari 28hb Oktober,  
1985 hingga 8hb November,  
1985; dan

(5) Yang Berhormat Tuan Omar  
bin Abdullah bagi Kawasan  
Tampin dari 28hb Oktober,  
1985 hingga 8hb November,  
1985.

**JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang  
Berhormat Tuan Ibrahim Azmi  
Hassan.

*(Soalan No. 1 Y.B. Tuan Ibrahim  
Azmi Hassan tidak hadir)*

**SEKOLAH BARU DI  
SUNGAI LUAN, JULAU**

(1) Yang Berhormat Tuan Haji  
Abdul Rahim bin Abu Bakar  
bagi Kawasan Kuantan dari  
18hb November, 1985 hingga  
4hb Disember, 1985;

(2) Yang Berhormat Tuan Haji  
Daud bin Dato' Haji Taha bagi  
Kawasan Batu Pahat dari 28hb

**2. Tuan Thomas Salang Siden** minta  
Menteri Pelajaran menyatakan kalau  
ada kemungkinan untuk membina  
sekolah baru di Sungai Lijan, Julau di

mana ianya melibatkan penduduk Hma buah rumah panjang untuk menggantikan bangunan sekolah lama yang didirikan oleh Majlis Daerah Tempatan di mana ia telah ditutup beberapa tahun dahulu kerana salah faham di antara Guru Besar dan ibubapa sekolah tersebut yang menyebabkan sekolah itu ditutup hingga sekarang.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Bujang bin Haji Ulis):** Tuan Yang di-Pertua, salah satu daripada kerumitan-kerumitan yang dihadapi oleh sekolah-sekolah kecil luar bandar terutama sekali di Sabah dan Sarawak ialah kemerosotan murid-murid, dan begitu jugalah mengenai Sekolah Rendah Kerajaan Nanga Lijan, Daerah Julau, Bahagian Keenam, Sarawak. Sekolah ini telah ditutup pada 31hb Mac, 1977 disebabkan bilangan murid yang didaftarkan untuk memasuki sekolah tersebut telah merosot dari setahun ke setahun. Murid-murid dari sekolah itu telah dipindahkan ke Sekolah Rendah Kerajaan Nanga Meluau, Julau iaitu sekolah yang berhampiran dengannya. Satu projek di sekolah baru Sekolah Rendah Kerajaan Nanga Melua yang mengandungi 6 bilik darjah, 2 buah rumah guru, 2 blok asrama dan lain-lain kemudahan telah siap pada tahun 1981.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dr Leo Michael Toyad.

*(Soalan No. 3 Y.B. Dr Leo Michael Toyad tidak hadir)*

#### **KERETAPI TANAH MELAYU— PERKHIDMATAN**

**4. Tuan Haji Seroji bin Haji Haron** minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah Kementerian berpuas hati dengan perkhidmatan keretapi dari segi laju, keselesaan penumpang, mengelak kemalangan dan keuntungan.

**Menteri Pengangkutan (Tan Sri Chong Hon Nyan):** Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Keretapi Tanah Melayu baru-baru ini telah merayakan Ulangtahun ke 100 iatu dalam bulan Julai tahun ini.

Adalah diakui bahawa sistem yang wujud sekarang ini telah ketinggalan zaman dan memerlukan pembaharuan dalam semua aspek. Kebanyakan daripada kelengkapan-kelengkapan yang sedia ada seperti koc, lokomotif, gerabak, landasan dan alat-alat semboyan perlu digantikan. Memandangkan usaha pembaharuan keseluruhan ini akan menelan perbelanjaan yang besar, maka program ini hanya dapat dilaksanakan peringkat demi peringkat. Kemelesetan ekonomi yang dihadapi oleh negara sekarang telah melambatkan lagi program asalnya.

Walaupun terpaksa mengalami keadaan yang serba kekurangan, saya berpuas hati bahawa Pengurus Besar dan kakitangan Keretapi Tanah Melayu telah berusaha sedaya upaya untuk mengatasi rintangan-rintangan fizikal ini dan juga untuk memperbaiki lagi kecekapan keseluruhan perkhidmatan-perkhidmatan keretapi. Namun demikian, adalah menjadi objektif kita untuk mempunyai satu sistem keretapi yang serba moden apabila kita berkemampuan untuk berbuat demikian kelak,

**Tuan Lee Lam Thy:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar bahawa kejadian keretapi tergelincir nampaknya telah bertambah pada baru-baru ini? Adakah pihak yang berkenaan telah menyiasat sebab-sebab kejadian tergelincir berlaku dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mencegah kejadian ini dari berlaku ataupun mengurangkan kejadian ini berlaku pada masa akan datang?

Yang kedua, bolehkah Yang Berhormat Menteri juga menerangkan kepada Dewan yang mulia ini berkenaan dengan apakah perkembangan tentang penswastaan KTM ini sebagai salah satu cara untuk memperbaiki perkhidmatan rel di negara kita?

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Saya mengakui bahawa kemalangan disebabkan oleh kelinciran masih berlaku tetapi angka-angka yang saya ada di sini menunjukkan bahawa kejadian ini telah dikurangkan tahun demi tahun dan bukan dinaikkan. Tetapi apa yang menjadi masalah ialah ada tiap-tiap kali kejadian seperti ini berlaku perkara ini diheboh-hebohkan di dalam mass media yang mereka benninat berbuat demikian.

Izinkan saya memberi sedikit angka, misalnya dalam tahun 1980 ada 169 kejadian, ini sudah menjadi lebih baik. Dalam tahun 1981—145; tahun 1982—140; 1983—101; tahun 1984—74 dan tahun ini hingga bulan Oktober, 39 sahaja. Kebanyakan kes ini terjadi oleh kerana landasan-landasan itu telah usang dan tiap-tiap kes kemalangan ini disiasat dan diteliti supaya sebab-sebab tertentu dapat dikenalpasti.

Tentang soalan kedua, mengenai progres langkah penswastaan, seperti yang mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, ada dua rancangan. Satu rancangan baru supaya satu sistem baru diwujudkan di antara Port Kelang dan Kuantan hingga ke Kota Bharu. Kedua, supaya memperbaiki lagi sistem yang wujud sekarang ini di antara Butterworth ke Singapura.

Dalam bal ini pihak Kerajaan telah berunding dengan pihak swasta supaya mereka dapat mengetahui dengan lebih mendalam tentang objektif Kerajaan dan mereka belum memberi tawaran yang tertentu oleh kerana Kerajaan juga belum lagi menyiapkan

spesifikasi-spesifikasi yang tertentu oleh kerana laporan-laporan masih dikaji oleh Kerajaan.

**Tuan Ahmed bin Yeop Majlis:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri iaitu memandangkan undang-undang ataupun Akta Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu sehingga ini masih belum dibuat pindaan iaitu untuk membolehkan Keretapi Tanah Melayu ini diswastakan, adakah Menteri berhasrat untuk meminda Akta tersebut dan jikalau ada, bilakah agaknya pindaan itu akan dibuat?

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Memang menjadi hasrat Kementerian Pengangkutan supaya Ordinan yang ada sekarang dipinda supaya membolehkan pihak swasta mengambil bahagian dalam perkhidmatan keretapi ini. Apa yang difikirkan perlu ialah supaya menubuhkan sebuah syarikat, dengan izin, Syahkat Keretapi atau Railway Company dalam masa akan datang supaya syarikat ini boleh mengambil bahagian atau mengambil alih separuh perkhidmatan-perkhidmatan dari Keretapi Tanah Melayu.

**Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman:** Saya minta bertanya kepada Yang Berhormat Menteri iaitu berkenaan dengan sistem landasan baru ke Kuantan terus ke Kota Bharu yang kajiannya dibuat oleh JICA. Bilakah sistem ini akan dapat dilaksanakan? Keduanya, kita tahu bahawa pihak KTM telah memanggil satu tender untuk menggantikan lokomotifnya. Dengarnya telah ditender semula tetapi sudah sekian lama kita belum dapat lagi mendengar keputusannya. Apakah telah terjadi dengan tender ini dan bilakah agaknya akan diaward?

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama tentang bilakah Kerajaan akan

melaksanakan projek itu, seperti saya menerangkan tadi, laporan JICA (Japanese International Cooperation Association) itu sedang dikaji dengan telitinya. Oleh kerana perbelanjaan yang akan ditanggung oleh Kerajaan atau pihak swasta adalah besar dan kita harus mengadakan rancangan-rancangan yang akan tertarik hati pihak swasta khususnya supaya mereka boleh mengambil bahagian dalam rancangan ini, sekarang ini saya tidak dapat memberi satu tarikh yang tepat bilakah projek ini akan dilaksanakan.

Tentang tender untuk lokomotif, saya percaya bahawa apa yang Ahli Yang Berhormat maksudkan ialah baru-baru ini Keretapi Tanah Melayu telah menawar supaya membeli 25 lokomotif yang baru tetapi tender itu terpaksa dipanggil semula oleh kerana penender-penender itu separuhnya tidak memberi butir-butir yang tepat dengan spesifikasinya dan tender ini akan dipanggil semula supaya spesifikasi itu lebih tepat supaya penender-penender boleh tahu apa yang benar dikehendaki oleh Keretapi Tanah Melayu.

#### LAWATAN RASMI PERDANA MENTERI KE CHINA

**5. Tuan Peter Chin Gan Oon** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah yang beliau berharap untuk menpapai semasa lawatan yang akan datang beliau ke China dan bagaimanakah lawatan sebegitu boleh menguntungkan penduduk-penduduk Malaysia.

28-11-85

**6. Tuan Chan Kok Kit** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada tarikh bagi lawatannya ke Republik Rakyat China telah ditetapkan; jika ia, huraikan perkara-perkara yang akan dibincang antara beliau dan pemimpin-pemimpin negara tersebut

dan sila beritahu nama ahli-ahli rombongan itu.

**Timbalan Menteri Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir):** Tuan Yang di-Pertua; saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi pada 28hb November, 1985 oleh sebab maksudnya adalah sama.

Malaysia sedang membuat persediaan bagi lawatan rasmi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita ke Negeri China pada pertengahan bulan November, 1985 di atas jemputan Kerajaan Republik Rakyat China itu. Ahli-ahli rombongan yang akan mengikuti lawatan ini belum lagi ditetapkan buat masa ini. Selain daripada membalas lawatan Perdana Menteri China ke Malaysia pada tahun 1981, beberapa isu dua hala, serantau dan antarabangsa adalah perkara-perkara yang akan dibincangkan dengan pemimpin-pemimpin negara itu.

Isu ekonomi dan perdagangan dijangka menjadi tumpuan perbincangan dua hala kerana memandangkan Malaysia sentiasa mengalami kekurangan perdagangan dengan Negeri China. Dalam konteks ini Perdana Menteri akan menyentuh cara-cara yang konkrit serta positif untuk membetulkan ketidakseimbangan ini. Sebagaimana yang kita sedia maklum, hasil daripada program pemodenan negara China terdapat potensi dalam bidang perdagangan dan ekonomi di mana Malaysia mestilah berusaha mengambil kesempatan untuk mengurangkan perbezaan perdagangan yang ada sekarang. Maka dengan ini Malaysia akan menyatakan hasrat kita kepada pemimpin-pemimpin negara itu supaya pengusaha-pengusaha Malaysia diberi peluang yang sama untuk mengambil bahagian di dalam

program projek-projek program pemodenan tersebut yang boleh mendatangkan faedah bersama.

Dengan lawatan ini kelak, kita berharap juga tujuan kita untuk meningkatkan dua hala di antara bidang perdagangan dan ekonomi dengan Republik Rakyat China itu akan tercapai. Di samping itu kita tidak lupa juga bahawa China mempunyai potensi yang boleh menjejaskan keselamatan di rantau ini. Maka dengan ini Malaysia akan mengutarakan rasa kebimbangan kita terhadap sokongan negeri China yang berterusan kepada Parti Komunis Malaya serta unsur-unsur lain yang berkaitan dengan negeri China yang mungkin akan menjejaskan keselamatan dan perpaduan negara kita.

Berhubung dengan isu serantau pula, isu Kampuchea akan menjadi isu utama di dalam perbincangan Perdana Menteri dengan pemimpin-pemimpin negara itu.

**Tuan Yew Foo Weng:** Soalan tambahan. Dalam jawapan Timbalan Menteri yang berkenaan tadi, beliau ada mengatakan bahawa negara China merupakan satu negara yang berpotensi untuk Malaysia dari segi perdagangan. Tetapi saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, pada masa sekarang ada sekatan bagi mereka yang ingin melawat negara China untuk perdagangan dan bolehkah Timbalan Menteri yang berkenaan mengatakan sekatan ini adakah dari pihak Kerajaan kita ataupun dari pihak negara China, dan kalau dari pihak Kerajaan kita, untuk membebaskan peluang kepada pengusaha tempatan untuk mendapat perdagangan dengan negara China, bolehkah pihak Kerajaan membebaskan sekatan ini supaya pengusaha tempatan boleh melawat negara China dengan sukarela?

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Kerajaan telah pun memutuskan untuk melonggarkan beberapa syarat mengenai lawatan pedagang-pedagang kita ke negara China. Saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa untuk pedagang-pedagang sah dari Malaysia yang hendak berdagang dengan Republik Rakyat China itu tidak lagi menjadi satu masalah untuk melawat negara itu tetapi beban untuk membuktikan bahawa mereka adalah pedagang sah dan ada sebab yang sah untuk melawat negara China adalah terletak di bahu pedagang-pedagang itu sendiri.

**Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain dahpada masalah perniagaan, adakah lawatan ini akan menyentuh juga masalah bekalan senjata Amerika kepada China sedangkan bekalan senjata Amerika ke China yang kita kecam baru-baru ini menguntungkan kita kerana dengan cara Amerika membekalkan China ini boleh menumpukan perhatian Russia ke China lebih daripada China menumpukan perhatian dia kepada kita sebelah sini.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, berbagai-bagai isu antarabangsa akan dibincangkan dengan Republik Rakyat China itu, termasuk juga isu-isu antarabangsa seperti hubungannya dengan Amerika Syarikat dan sebagainya, tetapi saya tidaklah mengetahui cara tepat isu-isu detail yang mungkin akan dibincangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri buat masa ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, dalam lawatan Yang Amat Berhonnat Perdana Menteri ke negara China adakah perjanjian perdagangan dan perjanjian perkapalan ditandatangani bagi pihak kedua-dua

negara dan kalau akan ditandatangani draf kedua-dua perjanjian ini sudah dalam peringkat akhir.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, ada lima atau enam perjanjian yang kita sedang berikhtiar dan bekerja keras untuk menyediakan sebelum lawatan Perdana Menteri ke negara China. Salah satunya adalah mengenai perjanjian perkapalan evolutionary double taxation dan sebagainya.

Pegawai-pegawai kita sedang pun bekerja keras untuk menyudahkan draf-draf perjanjian itu sebelum lawatan Perdana Menteri, malah pada masa ini pun memang kita mempunyai satu rombongan pegawai-pegawai kita di Peking untuk membincangkan mengenai draf-draf perjanjian ini dan sukacita saya menyatakan bahawa perundingan ini memang dalam peringkat terakhir.

**Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar. Adakah benar di Negeri China itu terdapat hampir 100 juta orang Islam. Jadi adakah rombongan Menteri Luar ini dan juga Perdana menteri kita akan menemui umat-umat Iskam di sana dan apakah rancangan kita untuk kita berjumpa dengan mereka.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, tentang jumlah sebenarnya orang-orang Islam di negara China ini memanglah pendapat itu berbeza-beza, tetapi memanglah satu angka yang sering disebut-sebut sebagaimana angka yang telah disebut oleh Ahli Yang Berhormat. Memanglah kalau boleh Perdana Menteri ingin sangat untuk berjumpa dengan orang-orang Islam di Republik Rakyat China, tetapi kita haruslah berhati-hati supaya tidak tampak sebagai hendak mencuba campur tangan dalam hal ehwal negara itu. Kita tidak mahu pula pada

satu masa nanti Republik Rakyat China memohon-mohon untuk meminta berjumpa dengan puak-puak tertentu di negara kita ini.

## JALAN RAYA SANDAKAN/ TELUPID

**6. Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong** minta Menteri Kerjaraya menyatakan:

- (a) sudahkah kerja-kerja pembinaan jalan raya Sandakan/Telupid dimulakan; dan
- (b) adakah Kerajaan Pusat menganggap jalan raya menghubungi Bandar Sandakan dengan Pekan Labuk-Sugut (Beluran) sebagai satu "Trunk Road", kalau ya, mengapakah jatan berkenaan belum dibubuh tar.

**Timbalan Menteri Kerjaraya (Dato Zainal Abidin bin Zin):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan bahawa tender untuk pembinaan jalan raya Sandakan/Telupid telah dibuka pada 8hb Oktober, 1985 dan kerja pembinaannya dijangka akan bermula pada awal tahun hadapan.

Kita telah menyediakan peruntukan sebanyak lebih kurang \$25 juta. Dan saya ingin menjelaskan juga bahawa hanya sebahagian jalan raya dari Sandakan ke Beluran dijadikan sebagai jalan raya utama iaitu dari Sandakan ke kilometer 55.2 di persimpangan masuk ke jalan yang menuju ke Beluran.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kriteria-kriteria yang digunakan untuk menentukan sama ada satu jalan raya itu dijadikan sebagai jalan raya adalah seperti berikut:

- (1) Jalan raya-jalan raya besar menuju ke pelabuhan-pelabuhan utama dan lapanganterbang penting.

- (2) Jalan raya yang menyambungi dua buah negeri atau lebih.
- (3) Jalan raya yang menuju ke sempadan antarabangsa.
- (4) Jalan raya utama yang menghubungkan bandar-bandar utama.
- (5) Jalan raya yang menuju ke stesyen Persekutuan dan stesyen VHF.

Oleh kerana jalan raya di persimpangan kilometer 55.2 tersebut yang menuju ke Beluran tidak termasuk dalam salah satu kriteria-kriteria di atas maka jalan raya itu tidak dianggap sebagai jalan raya utama. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga jalan raya dari Sandakan ke kilometer 52.1 telah ditarkan. Bahagian jalan raya daripada kilometer 51.2 ke kilometer 55.2 akan ditarkan kerana ia termasuk di dalam Rancangan Malaysia Yang Kelima untuk pembinaan dan menaikikkan taraf seluruh jalan raya Sandakan/Telupid.

#### **TAHANAN DI BAWAH AKTA DADAH BERBAHAYA**

**7. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan orang yang ditahan di bawah Ordinan Darurat 1969 kerana penglibatan dalam kes dadah yang telah ditahan semula di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985, dan daripada jumlah ini berapa ramai yang telah merayu kepada Lembaga Penasihat di bawah seksyen 10 Akta tersebut dan apakah keputusannya;
- (b) bilangan orang yang ditahan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 sejak ianya dikuatkuasa bermula pada 15hb Jun, 1985; dan

- (c) apakah tindakan yang telah atau akan diambil di peringkat antarabangsa untuk memerangi ancaman dadah dan pengedaran dadah secara haram.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato Radzi bin Sheikh Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan (a) sejak Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 dikuatkuasakan pada 15hb Jun, 1985 ini seramai 36 orang yang telah tamat menjalani perintah tahanan di bawah Ordinan Darurat 5/69 telah diperlanjatkan perintah tahanan mereka di bawah Seksyen 6(5)(a) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 atas atasan-alasan yang sama seperti alasan yang mereka dikenakan perintah tahanan di bawah Ordinan Darurat 5/69 dahulu.

Oleh kerana di bawah peruntukan Seksyen 6(5) tersebut jika seseorang itu dilanjutkan tempoh tahanannya di atas alasan-alasan yang sama ia tidak mempunyai hak di bawah Seksyen 9 untuk membolehkannya membuat representasi-representasi kepada Lembaga Penasihat maka sebarang rayuan yang dibuat tidak akan dilayan.

Jawapan bagi (b) dalam tempoh yang sama seramai 22 orang telah ditangkap oleh pihak Polis di bawah Seksyen 3(1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985. Dari jumlah ini seramai 4 orang telah dikenakan perintah tahanan selama dua tahun di bawah 6(1) Akta yang sama.

Penyiasatan yang terperinci sedang dilakukan terhadap 18 orang yang lain dan jika didapati perlu mereka ini akan dikenakan tahanan ataupun sekatan berdasarkan atas penglibatan mereka di dalam kegiatan pengedaran dadah.

Jawapan bagi (c) Malaysia menyedari bahawa usaha untuk mengawal dan mencegah dadah tidak

boleh dibuat oleh mana-mana negara secara bersendirian, oleh sebab itu Malaysia telah dan sedang memainkan peranan utama di peringkat antarabangsa untuk mewujudkan keazaman politik di kalangan negara-negara lain di dunia dalam pengawalan dan pencegahan dadah.

Di peringkat serantau ASEAN, Malaysia telah pun menandatangani pengisytiharan yang dinamakan "Declaration of Principles to Combat the Abuse of Narcotic Drugs" dalam tahun 1976 lagi. Pengisytiharan ini telah menjadi landasan kerjasama antara Malaysia dengan negara-negara ASEAN yang lain baik di peringkat pegawai mahu pun di peringkat Menteri.

Di peringkat pegawai, Malaysia sentiasa memainkan peranan yang aktif dalam mesyuarat pegawai-pegawai kanan ASEAN mengenai dadah yang diadakan pada tiap-tiap tahun.

Di peringkat Menteri pula, Menteri-menteri Luar ASEAN telah pun mengadakan mesyuaratnya yang ke 18 pada 8hb hingga 11hb Julai, 1985 di mana atas daya usaha Malaysia satu draf resolusi anjuran ASEAN akan dibentangkan di Perhimpunan Agong Bangsa-bangsa Bersatu yang ke 40 pada bulan November ini di New York. Draf resolusi itu menggesa pertubuhan dunia itu supaya merangka satu rancangan ataupun program bertindak di peringkat antarabangsa bagi membentasi kegunaan dan pengedaran dadah.

Di peringkat antarabangsa pula, Malaysia telah memberi sokongan yang kuat terhadap satu resolusi United Nations Commission on Narcotic Drugs yang diputuskan di Persidangan Sesi ke 31nya di Vienna pada bulan Februari, 1985. Resolusi itu adalah mengenai "Initiation of the Preparation of the Draft Convention on Illicit Traffic in Narcotic Drugs and

Psychotropic Substances". Dalam persidangan tersebut Malaysia telah pun mengemukakan pandangan dan cadangannya mengenai perkara-perkara yang perlu dimasukkan ke dalam draft convention antarabangsa tersebut.

Malaysia beserta negara-negara ASEAN yang lain menyambut baik seruan Setiausaha Agong Bangsa-bangsa Bersatu untuk menganjurkan persidangan antarabangsa di peringkat Menteri dalam tahun 1987. Bagi mengeratkan kerjasama antarabangsa Malaysia juga telah bekerjasama dengan negara-negara lain dan dengan badan-badan mengenai dadah di bawah pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu International Confederation of Police Organisation (INTERPOL), Customs Corporation Council dan Colombo Plan.

Selain daripada hubungan dua hala dengan negara-negara ASEAN Malaysia juga telah mempereratkan hubungan dua hala dengan negara-negara lain terutamanya dengan Amerika Syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sentiasa mengambil daya usaha untuk melibatkan negara-negara dunia dalam masalah dadah, kerana Malaysia percaya bahawa penyelesaian masalah dadah di dunia tidak akan berjaya tanpa adanya kesungguhan dan keazaman politik para pemimpin negara-negara di seluruh dunia.

**Tuan Lim Kit Siang:** Mengenai jawapan bahagian (a) di mana 36 orang tahanan mereka dilanjutkan—tahanan mereka di bawah Ordinan Darurat (E.O.) ada dilanjutkan di bawah Akta Dadah Berbahaya. Oleh kerana satu antara 36 orang tahanan ini ada yang dapat perintah dan keputusan daripada Mahkamah Tinggi Pulau Pinang atas satu permohonan habeas corpus bahawa melanjutkan perintah tahanan di bawah Akta

Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) selepas tahanan Ordinan Darurat tidak sah dan beliau telah pun dibebaskan. Adakah Kerajaan berhajat untuk melepaskan—membebaskan saki baki yang 35 orang dalam keadaan kategeh yang sama.

**Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan telah membuat rayuan di atas kes yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu kepada Mahkamah' Agong. Oleh yang demikian, mengikut Peraturan Mesyuarat tidaklah boleh saya membuat sebarang komen berkenaan dengan kes tersebut.

**Tuan Gooi Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Timbalan Menteri menjelaskan selepas 28hb September yang lalu baharu ini, adakah benar Lembaga Penasihat bagi kawasan utara telah berhenti menggunakan Akta baru ini untuk menyambung penahanan-penahanan di bawah E.O. tetapi Lembaga Penasihat bagi kawasan Selatan tidak mengikut. Bolehkah Timbalan Menteri menjalankan, apakah sebab-sebab kebebasan am ini?

**Dato Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Penasihat adalah satu badan yang bebas yang dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Oleh yang demikian, tidaklah wajar bagi saya membuat komen atas Lembaga Penasihat ini.

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kepada Timbalan Menteri Dalam Negeri, ingin saya tahu adanya penubuhan Jawatankuasa Pemadam, sejauh manakah langkah-langkah telah diambil, adakah pengedar-pengedar dadah dan penagih-penagih dadah makin berkurangan atau makin

bertambah. Sekiranya bertambah, aberapa peratuskah di antara tahun 1984 hingga tahun 1985 ini?

Yang kedua, orang-orang yang terlibat yang telah ditangkap dalam kes pengedar dadah, berapa orangkah telah dijalankan hukuman gantung, adakah benar-benar dihukum gantung pun cuma berpura-pura hukum gantung.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bagaimana hendak berpura-pura itu? (*Ketawa*).

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, misalan hukum gantung tetapi tidak digantung bertahun-tahun panjang lama sampai dua tiga empat tahun, belum juga digantung. Itu yang saya maksudkan. Jadi, itulah yang saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan bilangan pengedar dan penagih, adakah bilangan mereka meningkat atau tidak dalam masa setahun ataupun dalam masa kita menguatkuasakan kuasa mandatory kepada Mahkamah untuk menjatuhkan hukuman gantung adalah satu jangka masa yang amat singkat. Jadi tidak wajarlah saya membuat komen sekarang. Walau bagaimanapun melihat di atas usaha Kerajaan yang bertambah, saya ingin merayu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga kepada semua supaya kita sama-sama melipatgandakan usaha kita bukan sahaja membanteras masalah pengedaran tetapi juga menolong mereka yang telah menjadi penagih dan kembali semula kepada masyarakat selepas menjalankan rawatan dan pemulihan di Pusat-pusat Pemulihan.

Tentang soalan yang kedua berkenaan dengan bilangan pengedar yang digantung, saya ingin mohon notis untuk 'menjawabnya. Tetapi

inginlah saya menjelaskan di sini bahawa siapa sahaja yang dihukum oleh mahkamah untuk digantung sehingga ia akan dihukum gantung sehingga mati apabila sampai masanya.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, seseorang itu didapati bersalah oleh Mahkamah Tinggi dia mempunyai hak untuk membuat rayuan ke Mahkamah Agong. Selepas diputuskan oleh Mahkamah Agong untuk dia digantung juga, dia mempunyai hak untuk membuat rayuan kepada Lembaga Pengampunan. Selepas Lembaga Pengampun membuat keputusan untuk menjalankan hukuman tersebut, baharulah tarikhnya akan ditetapkan supaya dia digantung betul-betul (*Ketawa*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Lim Liang Seng.

(*Soalan No. 8 Y.B. Tuan Lim Liang Seng tidak hadir.*)

#### BURUH DI SEKTOR PERLADANGAN

**9. Tuan Wan Ibrahim bin Wan Abdullah** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil atau ikhtiar-ikhtiar yang boleh menarik rakyat negara ini bekerja dan menjadi buruh di sektor perladangan terutama ladang kelapa sawit yang sekarang berlaku kerugian kerana kekurangan buruh.

**Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masalah buruh di Kementerian ini hanya dialami oleh anak-anak syarikat perladangan di Lembaga-lembaga Kemajuan Wilayah. Bagi rancangan-rancangan tanah seperti FELDA dan FELCRA masalah ini tidak begitu ketara kerana kebun-kebun tersebut diusahakan sendiri oleh peneroka-peneroka atau peserta atau pemilik.

Bagi anak-anak syarikat ini mereka terpaksa bersaing dengan ladang-ladang swasta yang lain dan dengan sektor-sektor lain seperti sektor pembuatan, pembinaan dan perkhidmatan untuk mendapatkan buruh. Faktor penentu pada jangka panjang adalah kadar upah mampu ditawarkan oleh tiap-tiap ladang atau oleh sektor perladangan keseluruhannya jika mahu bersaing dengan sektor-sektor lain.

Sebagai langkah jangka pendek ladang-ladang ini dibenarkan mengambil buruh-buruh asing tetapi buruh-buruh asing itu hendaklah melalui proses yang sah.

Untuk jangka panjang, Kementerian masih lagi sedang mengkaji keperluan buruh sektor tersebut dengan kerjasama Kementerian-kementerian yang lain dan kemungkinan mewujudkan Briged Belia Pertanian untuk membekalkan buruh-buruh yang diperlukan.

**Tuan Khadri bin Sabran:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan khususnya Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah ini menyedari tentang wujudnya tenaga buruh luar yang begitu ramai di rancangan-rancangan tanah FELDA akibat dahpada penggunaan ataupun pengambilan tenaga mereka daripada pemborong-pemborong yang membuat kerja-kerja sampingan di dalam rancangan-rancangan tanah tersebut seperti kerja-kerja meracun, membaja, memerun dan seumpamanya hingga kadangkala menyebabkan pertelingkahan dan perselisihan faham, malah pergaduhan di antara tenaga buruh luar ini dengan peneroka-peneroka yang sedia ada dalam rancangan-rancangan tanah tersebut, khususnya rancangan tanah FELDA.

Jika sedar, adakah Kerajaan akan mengkaji tentang masalah ini dari

sudut bayaran upah yang diberi oleh pemborong-pemborong berkenaan kepada tenaga buruh dari luar ini yang secara tidak rasminya saya nyatakan bahawa bayaran kepada mereka adalah terlalu rendah. Jika sekiranya bayaran tersebut terlalu rendah diberikan oleh pemborong, adakah Kerajaan bercadang untuk mengenakan satu syarat pembayaran yang agak tinggi agar bilangan mereka yang datang daripada luar ini dapat dikurangkan dan kekurangan tenaga buruh di rancangan tanah FELDA ini boleh kita tampung dengan tenaga kerja yang masih ramai di kalangan anak-anak tempatan kita.

**Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kedudukan buruh di rancangan-rancangan tanah seperti FELDA dan FELCRA, dari segi buruh pembangunan pertanian sebenarnya tidak timbul kekurangan dalam bidang pembangunan pertanian, kerana sebagaimana yang saya sebutkan tadi bahawa rancangan-rancangan ini adalah diusahakan sendiri oleh peneroka-peneroka ataupun peserta-peserta rancangan yang berkenaan.

Berhubung dengan kerja-kerja meracun, memerun dan sebagainya di mana sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat yang berkenaan tentang ramainya buruh-buruh luar yang bekerja dalam bidang-bidang tersebut, sebenarnya dalam hubungan ini pihak-pihak kontraktor yang berkenaan yang membawa pekerja-pekerja ataupun buruh-buruh dahpada luar yang bekerja di bawah kontraktor yang berkenaan dan pihak FELDA setelah satu tender kerja-kerja meracun dan memerun itu diberi kepada satu kontraktor, maka kontraktor yang berkenaanlah yang mendapatkan buruh-buruh dan soal gaji, soal bayaran dan sebagainya itu adalah di bawah tanggungjawab kontraktor yang berkenaan.

**Tuan Chan Kok Kit:** Soalan tambahan. Sama ada kekurangan pekerja-pekerja di ladang-ladang disebabkan oleh galakan Kerajaan selama ini terhadap penduduk kampung supaya mencari pekerjaan di bandar?

**Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad:** Boleh ulang?

**Tuan Chan Kok Kit:** Sama ada kekurangan pekerja-pekerja di ladang-ladang disebabkan oleh galakan Kerajaan selama ini terhadap penduduk kampung supaya mencari pekerjaan di bandar?

**Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad:** Sebenarnya saya tidak sedar ada satu gerakan daripada pihak kami mendorong belia-belia luar bandar bekerja di bandar. Jadi, jawapan yang dikehendaki oleh Yang Berhormat yang berkenaan, tidak.

**Wan Ibrahim bin Wan Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Setiausaha Parlimen telah menyebutkan bahawa hanya di bahagian-bahagian tertentu sahaja didapati kekurangan buruh tetapi hal ini pernah diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah di mana terdapat kerugian yang besar dalam sektor perladangan kelapa sawit, iaitu buah-buahan ataupun hasil kelapa sawit itu tidak dapat dipungut dengan sepenuhnya kerana kekurangan buruh.

Soalan saya pada asalnya adalah saya ingin tahu, apakah langkah Kerajaan bagi menggalakkan buruh-buruh tempatan memasuki atau bekerja di ladang-ladang ini untuk mengelakkan daripada pihak-pihak tertentu mengambil buruh-buruh daripada luar. Itu soalnya. Jadi, saya ingin mendapat penjelasan yang lebih lanjut mengenai apakah langkah-langkah Kerajaan hingga setakat ini bagi mengelakkan ramai buruh-buruh asing datang bekerja di sektor ini.

**Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah sebagaimana yang dikehendaki oleh Yang Berhormat yang berkenaan, sebagaimana yang saya jelaskan tadi untuk jangka pendek ini kita membenarkan mengambil buruh-buruh asing yang datang melalui proses yang sah. Di samping itu juga, kita telah berusaha melibatkan belia-belia kita dalam aktiviti-aktiviti pertanian secara tangsung melalui latihan-latihan yang diadakan oleh pihak FELDA.

Untuk jangka panjangnya, satu perundingan dan sebuah jawatankuasa di peringkat Kementerian telah pun ditubuhkan dengan kerjasama daripada Kementerian-kementerian lain untuk mewujudkan satu Briged Belia Pertanian untuk membekalkan buruh-buruh yang mungkin kekurangan dalam menghadapi masa yang akan datang.

### SISTEM TRAFIK DI KEPONG—SELAYANG

**10. Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan setakat manakah kejayaan yang diperolehi oleh sistem trafik yang baru yang dilaksanakan pada penghujung bulan Ogos di kawasan Kepong—Selayang. Adakah pihak Kementerian sedar bahawa keadaan trafik yang tenat itu menyusahkan orang ramai terutamanya di Batu Kelima-Batu Ketujuh Jalan Ipoh dan penghuni-penghuni Taman Batu View serta Kampung Selayang Lama. Adakah pihak Kementerian mempunyai sebarang rancangan yang baru untuk memperbaiki lagi keadaan trafik di kawasan ini. Jika ada, apakah rancangan-rancangan ini dan apakah jumlah perbelanjaan yang akan diperlukan untuk melaksanakan. Jika tidak ada, adakah pihak Kerajaan sebegitu yakin terhadap kejayaan sistem baru yang sedang diamalkan untuk mengatasi masalah trafik pada masa depan. Apakah fakta-fakta yang

pihak Kementerian dapat kemukakan untuk menyokong keyakinannya terhadap kesesuaian sistem tersedia ada.

**Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan (Tuan Ahmad Shah bin Datuk Hussein Tambakau):** Tuan Yang di-Pertua, dua buah persimpangan berlampu isyarat telah dipasang di Jalan Ipoh baru-baru ini. Tempat-tempat di mana lampu-lampu isyarat itu dipasang adalah seperti berikut:

- (1) Persimpangan di antara Jalan Ipoh dengan sebatang jalan baru yang menyambung ke Jalan Batu Caves yang sedia ada; dan
- (2) Persimpangan di antara Jalan Ipoh dengan jalan masuk ke Pasar Borong Sementara dan Selayang Baru.

Sejak persimpangan-persimpangan tersebut dibuka, ianya telah dapat mengurangkan masalah kesesakan lalulintas di kawasan tersebut. Di bawah peraturan baru ini pemandu-pemandu kenderaan daripada Taman Batu View serta Kampung Selayang Lama tidak boleh memusing kanan di Jalan Ipoh menghala ke Kuala Lumpur, mereka terpaksa memusing kiri menghala ke persimpangan di antara Jalan Ipoh dengan jalan masuk ke Pasar Borong Sementara dan Selayang Baru dan kemudian memusing kanan di persimpangan itu. Setepas itu pemandu-pemandu terpaksa memusing kanan satu kali ke jalan susur, iaitu ke Jalan Ipoh untuk menghala ke Kuala Lumpur. Kedua-dua persimpangan tersebut adalah merupakan pembaikan serta-merta yang dijalankan di Jalan Ipoh untuk membantu mengurangkan masalah kesesakan lalulintas di kawasan itu.

Rancangan-rancangan jangka panjang yang dicadangkan ialah seperti berikut:

- (1) membina semula persimpangan

di antara Jalan Ipoh dengan sebatang jalan baru, iaitu Batu Caves by-pass yang menyambung ke Jalan Batu Caves yang sedia ada. Di bawah rancangan ini persimpangan tersebut akan menjadi sebuah persimpangan bertingkat. Di samping itu, terdapat juga rancangan untuk membina sebatang jalan baru dari persimpangan ini ke Lebuhraya Lembah Kelang, di luar kawasan Wilayah Persekutuan.

- (2) Membina semula persimpangan di antara Jalan Ipoh dengan jalan masuk ke pasar borong sementara dan Selayang Baru supaya menjadi sebuah persimpangan bertingkat. Anggaran kos untuk rancangan-rancangan ini belum ditentukan pada masa kini.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa dengan tiadanya pertaksanaan projek-projek yang disebutkan ini dan dengan itu persimpangan bertingkat di Bulatan Kepong yang sedang dibina, kesesakan ini sedang meningkat. Dan untuk buat sementara itu, apakah tindakan untuk mengurangkan kesesakan lalulintas memandangkan bilangan kereta di kawasan itu telah bertambah.

**Tuan Ahmad Shah bin Datuk Hussein Tambakau:** Tuan Yang di-Pertua, saya katakan tadi sejak kita buka persimpangan-persimpangan dengan menggunakan lampu-lampu isyarat, kita dapat mengurangkan serba sedikit kesesakan lalulintas dan Kementerian saya melalui Dewan Bandaraya akan meneruskan program-program seperti ini sampailah masanya kita dapat melaksanakan jalan-jalan yang bertingkat untuk mengurangkan lagi kesesakan lalulintas.

### KWSP—POTONGAN ZAKAT BAGI PENCARUM BERAGAMA ISLAM

**11. Tuan Haji Hassan bin Haji Mohamed** minta Menteri Kewangan menyatakan bilakah Kerajaan akan mengenakan zakat ke atas Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi pencarum-pencarum yang beragama Islam; sekiranya tidak, kenapa. Dan sekiranya ya, maka kepada siapakah hendak disalurkan zakat itu.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik):** Tuan Yang di-Pertua, tanggungjawab membayar zakat bagi seseorang yang beragama Islam adalah terletak kepada seseorang itu sendiri.

Oleh itu adalah tidak wajar sekiranya Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) pula dipertanggungjawabkan untuk membayar zakat bagi pihak individu tersebut. Saya rasa tidaklah perlulah bagi Kerajaan mengadakan potongan zakat ke atas simpanan pencarum-pencarum dalam KWSP.

### CUKAI PENDAPATAN BAGI KAEDAH BANK

**12. Tuan Ng Cheng Kuai** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) apakah Kerajaan akan terus menggalakkan rakyat mengamalkan semangat menyimpan wang; dan
- (b) apakah beliau akan mengecualikan cukai-pendapatan terhadap faedah bank yang dipungut oleh para penyimpan bank bagi semua jenis simpanan wang baik dalam bank maupun syarikat-syarikat kewangan.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato Dr Tan Tiong Hong):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, dasar Kerajaan adalah untuk menggalakkan simpanan dan tabiat menyimpan wang. Untuk tujuan ini, Kerajaan telah mengurangkan kadar cukai pendapatan dalam Belanjawan 1985. Di samping itu, semenjak tahun 1982, Kerajaan telah pun mengambil beberapa langkah seperti pengecualian cukai ke atas faedah dari simpanan tabungan dan simpanan tetap tertentu bagi menggalakkan rakyat menyimpan wang.
- (b) Cadangan Ahli Yang Berhormat supaya faedah dari semua jenis simpanan dengan bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan dikecualikan daripada cukai pendapatan tidak dapat dipertimbangkan oleh Kerajaan pada masa ini oleh kerana ia akan melibatkan kehilangan hasil dan mengurangkan jumlah wang yang boleh digunakan oleh institusi kewangan bagi tujuan rancangan jangka panjang.

Tetapi, Kerajaan masih memberi pengecualian cukai pendapatan ke atas faedah yang didapati dari simpanan-simpanan tabungan, simpanan-simpanan tetap dan dividen-dividen yang mengikuti syarat-syarat tertentu seperti pengecualian cukai ke atas faedah yang didapati daripada simpanan-simpanan tetap di bank-bank perdagangan dan lain-lain institusi kewangan oleh individu-individu persendirian dengan tempoh masa melebihi 12 bulan tanpa mengira had simpanan.

Baru-baru ini, Kerajaan telah mengenakan cukai pada kadar 5% ke atas faedah dari simpanan yang tidak dikecualikan untuk memudahkan kutipan hasil dan juga untuk menggalak penyimpanan-penyimpan untuk tempoh yang lebih lama.

### PINJAMAN BANK— BAYARAN BALIK

**13. Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) adakah Kementerian sedar bahawa di dalam keadaan kemelesetan ekonomi negara ramai peniaga-peniaga terutama Bumiputera yang mengalami kesulitan kerana tindakan Bank-bank dan Institusi Kewangan yang memanggil balik pinjaman yang diberikan dan mengadakan tekanan tertentu kepada mereka; dan
- (b) adakah Kementerian bercadang untuk mengeluarkan satu garis panduan kepada institusi kewangan supaya melonggarkan tindakan mereka dan lebih bercorak untuk menyusun semula pinjaman-pinjaman tersebut sebagai langkah penyelesaian.

**Dato Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kewangan sedar bahawa di dalam keadaan pertumbuhan ekonomi negara yang perlahan ini, ramai peniaga-peniaga bumiputera yang mengalami kesulitan kerana tindakan institusi kewangan mendesak para peminjam untuk membayar balik pinjaman mereka. Walau bagaimanapun, perkara itu telah pun dibangkitkan dengan institusi-institusi kewangan dan institusi-institusi kewangan ini telah diberi tahu bahawa di dalam keadaan

ekonomi yang lembab pada masa ini, tindakan mereka mendesak supaya para peminjam membayar balik pinjaman mereka amat dikesali. Pihak bank telah diminta supaya lebih bersimpati terhadap syarikat-syarikat yang mengalami kemerosotan perniagaan akibat dari kemelesetan ekonomi.

Berhubung dengan ini, pihak bank telah menyatakan kesediaan mereka untuk memperbaiki keadaan ini dengan mempertimbangkan kes-kes ini mengikut keperluan setiap kes. Di samping itu, para peminjam yang menghadapi masalah kewangan adalah juga digesa supaya berbincang dengan bank-bank mereka awal-awal lagi untuk mencari penyelesaian kepada masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka.

#### **CUKAI PERSEKUTUAN DI NEGERI-NEGERI**

**14. Tuan Gooi Hock Seng** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada usul oleh Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang baru-baru ini dibenarkan supaya negeri-negeri yang kekurangan sumber-sumber mengekalkan sebahagian cukai-cukai untuk pembangunan mereka sendiri telah diterima, jika ya, sama ada Kerajaan akan bertindak untuk menguatkuasakan usul tersebut.

**Dato Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, menjang benar adanya cadangan dari Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mendapatkan sebahagian dari cukai-cukai Persekutuan yang dipungut di peringkat negeri sebagai suatu sumber untuk menambahkan pungutan hasil negeri berkenaan.

Namun begitu, setelah dikaji dengan teliti berpandukan kepada peraturan-peraturan kewangan yang sedia ada di antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri serta dasar Kerajaan Persekutuan

untuk mencapai matlamat pembangunan yang seimbang di peringkat wilayah, negeri dan daerah, maka permohonan tersebut telah tidak dapat dipertimbangkan.

#### **KAD PENGENALAN BIRU BAGI PENDATANG HARAM INDONESIA**

**15. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengapa pendatang-pendatang haram Indonesia boleh memperolehi kad-kad pengenalan biru dalam masa begitu singkat selepas mereka memasuki Malaysia, nyatakan anggaran bilangan pendatang-pendatang haram Indonesia yang memegang kad pengenalan biru dan sama ada Kementeriannya telah mengeluarkan sebuah kad pengenalan biru bernombor A0004131 kepada seorang pendatang haram Indonesia yang bernama SAIDI BIN JUNAI.

**Dato Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, kad pengenalan biru hanya dikeluarkan kepada warganegara Malaysia mengikut peruntukan yang ditetapkan dalam Akta Pendaftaran Negara dan peruntukan-peruntukan Pendaftaran Negara. Ini bermakna bahawa bukan warganegara Malaysia sama sekali tidak layak untuk mendapat kad pengenalan biru.

Mengikut rekod Kementerian, Saidi bin Junai, Kad Pengenalan No. A0004131 lahir di Batu Pahat, Johor pada 19hb September, 1964 adalah seorang warganegara Malaysia mengikut perjalanan undang-undang.

#### **PERANG IRAN/IRAQ**

**16. Datuk Jamaluddin bin Haji Suhaimi** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah halangan terbesar yang menyebabkan peperangan Iran dengan Iraq itu tidak dapat didamaikan hingga saat ini.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin memaklumkan bahawa jawapan kepada soalan ini telah pun saya memberinya semasa saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh pada 24hb Oktober, 1985. Saya tidak ada apa-apa tambahan kepada jawapan tersebut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Omar bin Abdullah.

*(Soalan No. 17Y.B. Tuan Omar bin Abdullah tidak hadir)*

**PERBADANAN KEMAJUAN  
EKONOMI NEGERI (PKEN)—  
PRESTASI**

**18. Tuan Ban Hon Keong** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) jumlah perbadanan Kemajuan Negeri yang ada di negara kita;
- (b) jumlah peratus untung-rugi yang dibuat oleh setiap Perbadanan Kemajuan Negeri bagi 3 tahun yang lalu; dan
- (c) dari segi keuntungan, negeri manakah yang mempunyai taraf kelakuan yang tinggi sekali.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam (Tuan Hussein bin Mahmud):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) yang ada di negara kita ialah sebanyak 13 buah iaitu satu Perbadanan bagi setiap negeri kecuali bagi Wilayah Persekutuan. Di samping itu, terdapat juga 3 buah Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri (PKPN) iaitu bagi negeri-negeri Selangor, Perak dan Pahang.
- (b) Oleh kerana butir-butir mengenai pencapaian kewangan bagi setiap PKEN

bagi 3 tahun yang lepas adalah terlalu banyak dan memerlukan masa yang panjang, saya bercadang untuk memberikan angka-angka berkenaan kepada Ahli Yang Berhormat secara bertulis. Walau bagaimanapun secara ringkasnya, Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh 3 tahun yang lepas, tidak kurang daripada 9 buah PKEN telah mendapat keuntungan semasa. Dalam tahun 1984, 11 buah PKEN mendapat keuntungan semasa. Dari segi keuntungan terkumpul pula tidak kurang daripada 8 buah PKEN mencatatkan keuntungan terkumpul pada tahun 1984.

- (c) Berdasarkan kepada keuntungan yang dicapai oleh PKEN-PKEN adalah didapati bahawa bagi 3 tahun yang telah lepas, PKEN Selangor telah menunjukkan keuntungan yang lebih daripada lain-lain PKEN. Bagi tahun 1984, keuntungan semasa yang diperolehi ialah \$98.020 juta sementara keuntungan terkumpul bagi tahun 1984 adalah berjumlah \$417.195 juta.

**BENDERA MALAYSIA DI  
PERBARISAN HARI  
KEBANGSAAN**

**19. Tuan Lim Kit Siang** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Bendera Kebangsaan telah dibawa secara terbalik oleh anggota-anggota Angkatan Tentera semasa perbarisan Hari Kebangsaan di Melaka pada Ogos 31 ini, jika ya, bagaimanakah kesilapan seumpama itu boleh berlaku dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan kejadian seumpama ini tidak berulang lagi.

**Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, bendera Kebangsaan tidak dibawa secara

terbalik oleh anggota-anggota Angkatan Tentera semasa perbarisan Hari Kebangsaan di Melaka pada 31hb Ogos, 1985 dahulu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Mohd. Idris bin Mohd. Basri.

*(Soalan No. 20 Y.B. Tuan Mohd. Idris bin Mohd. Basri tidak hadir)*

### HAK ISTIMEWA ORANG MELAYU—KENYATAAN NAIB PRESIDEN PAS

**21. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah terbukti benar kenyataan Naib Presiden PAS, Haji Abd. Hadi Awang di Kuala Terengganu baru-baru ini yang menentang hak keistimewaan orang-orang Melayu. Jika benar, tidakkah ini melanggar ISA.

**Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri dan pihak Peguam Negara masih lagi meneliti kenyataan Naib Presiden PAS mengenai kedudukan keistimewaan orang-orang Melayu sekiranya PAS memerintah negara ini.

Bagaimanapun sukaiah saya menjelaskan di sini bahawa kes itu tidak ada kaitan dengan Akta Keselamatan Dalam Negeri. Tetapi jika terbukti kenyataan beliau itu melanggar undang-undang Negara sudah tentu Kerajaan akan mengambil tindakan undang-undang terhadapnya.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1, 3, 8, 17 dan 20 adalah diberi di bawah ini.)*

### UMUR BERSARA KAKITANGAN KERAJAAN

**1. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah peraturan yang telah digariskan untuk menyelaraskan umur bersara bagi pegawai dan kakitangan Kerajaan dan kenapakah umur yang diwajibkan bersara bagi askar-tentera dalam had umur terlalu muda sedangkan mereka masih kuat dan bertenagausaha;
- (b) dari tarikh seseorang itu bersara apakah satu-satunya saluran jawatan dalam Kerajaan yang boleh diluluskan ia berkhidmat ataupun memang ditutup langsung baginya, adakah Kerajaan akan mengkaji semula dalam perkara ini; dan
- (c) apakah kajian Kerajaan tentang seseorang perseorangan yang mendapat pencen banyak dari berbagai-bagai jawatan; adakah Kerajaan akan atau telah menghadkan kepada tiap-tiap satu orang boleh hanya berhak menerima pencen hanya sekian pencen sahaja; jika ada bagaimanakah garisannya adakah memandang kepada kadar bayaran pencen atau bagaimana.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri  
(Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob):**

- (a) Peraturan untuk bersara secara pilihan sendiri atau secara wajib di kalangan pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan dan juga bagi Angkatan Tentera telah sedia ada dan oleh yang demikian Kerajaan tidaklah bercadang untuk menyelaraskan had umur bersara itu. Di bawah peraturan ini, had persaraan wajib bagi askar-askar ialah setelah genap tempoh perkhidmatan mereka

tidak kurang 21 tahun yang diakui dan berumur 45 tahun bagi mereka yang berpangkat Kapten dan ke bawah. Pada pandangan saya seseorang yang berumur 45 tahun itu tidaklah boleh dikatakan terlalu muda memandangkan bahawa tugas dan kewajipan dalam Angkatan Tentera bagi askar-askar adalah sangat berat, terutamanya bagi menjalankan tugas-tugas operasi.

- (b) Pesara-pesara sama ada daripada perkhidmatan awam atau angkatan tentera boleh diambil bekerja semula dengan Kerajaan tertakluk kepada peraturan-peraturan yang ditetapkan. Mereka boleh dilantik secara sementara atau kontrak. Bagi bekas anggota angkatan tentera yang bersara dan tidak menerima pencen, mereka boleh dilantik sebagai pegawai tetap dalam beberapa jenis jawatan yang sesuai dengan kelayakan mereka.
- (c) Satu kajian yang mendalam yang bertujuan untuk menghadkan pesara-pesara daripada menerima lebih daripada satu pencen, sedang dijalankan. Sebaik sahaja kajian tersebut disemak dari segi undang-undang, maka perakuan yang sewajarnya akan dikemukakan kepada Kerajaan untuk kelulusan.

### PENSWASTAAN SYARIKAT MAS

3. Dr Leo Michael Toyad minta Menteri Pengangkutan menyatakan bahawa dalam penswastaaan Syarikat MAS, adakah objektif asal MAS dalam memberi tekanan kepada Integrasi Nasional di antara negeri-negeri dalam Malaysia masih diteruskan. Berapa peratus saham dalam Syarikat MAS akan terus dipegang oleh Kerajaan, dan

adakah cadangan Kerajaan untuk melibatkan Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri dan Perbadanan Kemajuan Negeri-negeri, dengan cara pemegang saham.

### Tan Sri Chong Hon Nyan:

Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) telah beroperasi sebagai sebuah syarikat swasta walaupun kini ia merupakan sebuah syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan. Di samping mengendalikan perkhidmatannya secara komersial, MAS jua memenuhi objektif-objektif Kerajaan untuk menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan dalam negeri dan antarabangsa bagi menjaga kepentingan integrasi nasional, perniagaan dan pelancongan.

Dalam peringkat pertama penswastaaan syarikat ini yang sedang dilaksanakan, Kerajaan akan menawarkan 30% dari pegangan sahamnya kepada orangramai. Dari jumlah tersebut, 10% akan dijual dengan cara peruntukan khas kepada institusi-institusi Bumiputera selaras dengan kehendak Dasar Ekonomi Baru. Sebanyak 5% lagi akan diperuntukkan kepada kakitangan MAS. Baki daripada ini akan dijual kepada orangramai. Dalam hubungan ini, Kerajaan-kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak akan terus memegang saham-saham sebanyak 5% masing-masing.

Walau bagaimanapun, tujuan utama dalam usaha penswastaaan ini ialah untuk membolehkan individu-individu memiliki saham-saham dalam Syarikat Penerbangan Kebangsaan ini, Memandangkan saham-saham ini akan disenaraikan dalam Pasaran Saham Kuala Lumpur, adalah diharapkan bahawa Warganegara Malaysia akan mengambil peluang untuk membelinya supaya dengan itu mereka mempunyai kepentingan ekonomi secara langsung dalam Syarikat ini. Oleh itu, terpujanglah

kepada Perbadanan Kemajuan Negeri masing-masing untuk membeli saham-saham ini, sekiranya mereka berminat. Namun demikian, objektif-objektif dasar Sistem Penerbangan Malaysia akan terus kekal iaitu untuk menjaga kepentingan negara.

#### **KAMPUNG BARU— MEMBANGUNKAN SEMULA**

**8. Tuan Lim Liang Seng** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada Kerajaan sudah siap menyediakan satu rancangan menyeluruh untuk membangunkan semula kampung-kampung baru disemua negeri supaya kampung-kampung baru itu tidak lagi terus ketinggalan seperti selama ini dalam pembangunan negara; jika sudah, sila berikan detil-detil.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya telah pun menyediakan kertas dasar mengenai pendekatan baru bagi membangunkan kampung baru secara menyeluruh. Usaha sedang dibuat untuk mengklasifikasikan kesemua 452 buah kampung baru yang sedia ada mengikut saiz, lokasi serta tahap pembangunan dan kemajuan. Dengan adanya klasifikasi ini, Kementerian ini akan merangka perancangan yang teratur bagi memaju atau membangunkan-semula kampung-kampung baru secara berperingkat-peringkat. Melalui pelaksanaan pendekatan ini, pembangunan kampung-kampung baru tidak akan ketinggalan daripada aliran utama perkembangan sosio-ekonomi negara keseluruhannya.

Secara ringkas, pendekatan baru pembangunan kampung baru ini akan berasaskan dua matlamat utama iaitu:

- (i) menjadikan kampung baru sebagai kawasan petempatan

manusia (human settlement) yang sempurna, yang dapat menjamin suasana kehidupan yang lebih sempurna melalui penyediaan kemudahan-kemudahan infrastruktur dan sosio-ekonomi yang diperlukan; dan

- (ii) memajukan kampung-kampung baru yang sesuai dan berpotensi sebagai pusat-pusat bandar kecil berlandaskan kepada aktiviti-aktiviti ekonomi moden.

Melalui kedua-dua matlamat ini, tumpuan akan diberi bukan sahaja kepada aspek-aspek fizikal tetapi juga kepada aspek-aspek kemasyarakatan dan ekonomi. Kegiatan-kegiatan kemasyarakatan untuk memupuk setiap jayadiri serta kekitaan dikalangan masyarakat kampung baru sedang dirangka, dan begitu juga dengan rancangan ekonomi yang bertujuan menjadikan kampung-kampung baru yang sesuai sebagai pusat pertumbuhan ekonomi. Dalam masa jangka panjang, petempatan-petempatan kampung-kampung di sekitarnya juga akan mendapat manfaat daripada perkembangan di kampung-kampung baru ini, dan secara berperingkat-peringkat, integrasi kampung baru dan kampung tradisional akan dapat dicapai.

#### **FELDA—BEKALAN API/AIR**

**17. Tuan Omar bin Abdullah** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan beberapa banyak lagikah rancangan-rancangan FELDA yang belum mendapat kemudahan bekalan api dan air. Adakah pihak FELDA bercadang mengswastakan khidmat-khidmat ini sebagai salah satu langkah untuk menyegerakan bekalan.

**Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad:** Sehingga akhir September, 1985, FELDA telah menempatkan seramai

90,471 keluarga peneroka di 244 buah rancangan. Daripada 244 buah rancangan ini, sebanyak 218 rancangan telah menikmati kemudahan bekalan air melalui paip retikulasi dan 26 buah rancangan lagi mendapat bekalan air melalui lori-lori tangki.

Bagi kemudahan bekalan elektrik pula, sebanyak 116 buah rancangan telah menerima kemudahan bekalan elektrik dan 128 rancangan lagi masih belum menerima bekalan ini. Kerja-kerja untuk membekalkan kemudahan elektrik di 13 buah rancangan sedang dilaksanakan sementara sebanyak 15 buah rancangan lagi telah pun mempunyai peruntukan belanjawan. Kerja-kerja untuk membekalkan elektrik ke rancangan-rancangan tersebut akan dilaksanakan tidak lama lagi. Di bawah Rancangan Malaysia Kelima adalah dijadualkan sebanyak 70 buah rancangan lagi dijangka dapat dibekalkan dengan elektrik.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, buat masa ini FELDA tidak bercadang untuk mengswastakan khidmat-khidmat bekalan elektrik dan air dalam usaha menyegerakan bekalan memandangkan usaha-usaha sedang dan akan dilaksanakan oleh agensi-agensi Kerajaan yang terlibat dalam pembekalan elektrik dan air bagi memastikan peneroka-peneroka FELDA mendapat kemudahan bekalan tersebut dalam tempoh dan masa yang menasabah.

### **RANG UNDANG-UNDANG SIVIL**

**20. Tuan Mohd. Idris bin Mohd. Basri** minta Perdana Menteri menyatakan bilakah beliau akan meminda Rang Undang-undang Sivil supaya hak tuntutan gantirugi \$10,000/- maksima kepada waris-waris si mati yang mati kerana kemalangan jalan raya di bawah umur 50 tahun dan mempunyai pekerjaan pada masa itu sebagai

sumber, pendapatan untuk menanggung anak-anaknya, dinaikkan ke jumlah yang munasabah mengikut jangka pendapatan yang boleh diperolehi sekiranya si mati itu tidak menimpa maut. Jika had tuntutan gantirugi ini tidak ditambah, nescaya kemungkinan pemandu-pemandu kenderaan cuai, syarikat-syarikat insuran mendapat keuntungan, pengguna-pengguna kerugian dan tanggungan-tanggungan simati menderita.

**Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:** Pada masa sekarang belum ada cadangan untuk meminda undang-undang yang berkenaan.

### **RANG UNDANG- UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

#### **RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN (NO. 20)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Pendapatan Tambahan 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Cukai Pemindahan Syer (Syarikat Berasaskan Tanah) 1984 dan Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 dan membuat peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

### **RANG UNDANG- UNDANG**

#### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1986**

**Bacaan Kali Yang Kedua**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula

perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (25hb Oktober, 1985).

**DAN**  
**USUL**

**ANGGARAN PEMBANGUNAN,  
1986**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Usul yang berikut dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari \$8,857,740,400 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1986, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1986 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 28 tahun 1985, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut. (25hb Oktober, 1985).

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah "Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1986 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu" dibacakan kali yang kedua sekarang dan Usul dibuat oleh Menteri Kewangan dan masalah yang dicadangkan bahawa Usul yang

berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari \$8,857,740,400 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1986, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1986 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 28 tahun 1985, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut.

terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat dari Kota Melaka.

3.36ptg.

**Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka):**

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah mencatatkan rekod dengan membentangkan Belanjawan kedua yang tidak menyakitkan sesiapa pada masa ekonomi Negara melalui satu tempoh yang amat menyakitkan.

Yang Berhonnat Menteri Kewangan tidak mempunyai pilihan lain kecuali membentangkan suatu Belanjawan yang tidak menyakitkan sesiapa bagi menghadapi pilihanraya umum yang dijangka akan diadakan pada awal tahun depan dan disebabkan ini, mana-mana Menteri Kewangan tidak akan membentangkan satu Belanjawan menyakitkan sesiapa. Namun ini tidak bermakna rakyat Malaysia akan dikecualikan daripada kesakitan mereka. Ini hanya bermakna

kesakitan mereka telah ditangguhkan kepada suatu tempoh yang lain dan selepas pilihanraya umum yang akan datang mereka pasti akan merasai kesakitan penuh kedua-dua Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di mana kesakitan kedua-dua Belanjawan tersebut telah ditangguhkan sebanyak dua kali.

Tuan Yang di-Pertua, maka dengan itu Belanjawan tahun 1986 adalah satu Belanjawan di mana kesakitan telah ditangguhkan untuk menghadapi pilihanraya umum yang akan datang Bolehkah Yang Berhormat Menteri Kewangan memberi bagi pihak Kerajaan satu jaminan bahawa selepas pilihanraya umum yang akan datang dia tidak akan menggunakan langkah-langkah yang menyakitkan rakyat bagi menghadapi kerintangan-kerintangan ekonomi dan kewangan yang dihadapi oleh Negara?

Perangkaan-perangkaan menggambarkan keadaan muram akan ekonomi kita. Defisit dalam akaun semasa, imbalan pembayaran adalah dianggarkan sebanyak \$5.3 billion tahun ini berbanding dengan defisit sebanyak \$3.7 billion dalam tahun 1984. Meskipun Kerajaan telah berjanji untuk mengurangkan defisit akaun tidak ketara namun defisit dalam akaun perkhidmatan imbalan pembayaran bukan sahaja dijangka bertambah dari \$10,566 juta dalam tahun 1984 kepada \$10,973 juta pada tahun 1985. Bagi tahun 1986 dia akan memuncak setinggi \$11,599 juta.

Hutang negara adalah dijangka mencapai \$72,917 juta berbanding dengan \$66,822 juta pada tahun 1984, sementara penservisan hutang Kerajaan Persekutuan telah naik dari \$4,430 juta dalam tahun 1984 kepada \$5,486 juta dan dalam tahun 1986 pula ia akan sampai kepada \$5,925 juta.

Di sektor komoditi pula, kedudukan Malaysia sebagai pengeluar dan

pengeksporth getah dan minyak kelapa sawit yang terbesar di dunia sedang diancam, sementara komoditi-komoditi tersebut mengalami harga rendah disebabkan kelembapan dalam kegiatan ekonomi antarabangsa serta bertambah buruknya kemelesetan ekonomi dalam tahun 1986 yang akan menjejaskan keluaran-keluaran Malaysia.

Dengan prospek pertumbuhan ekonomi yang muram bagi tahun 1985 dan 1986, pandangan mengenai keseluruhan gunatenaga adalah juga muram dengan Kerajaan menjangka kadar pengangguran sebanyak 7.6% atau 427,000 orang penganggur yang mana jangkakan ini adalah jauh daripada yang sebenar.

Disebabkan Belanjawan tahun 1986 adalah satu belanjawan pilihanraya, maka Kerajaan telah mengambil jalan mudah dan tidak bertanggungjawab untuk menumpang kedudukan kewangannya dengan menambahkan pengeluaran petroleum sebanyak 18.6% dengan tidak menghiraukan sama sekali dasar kesusutan negara mengenai petroleum.

Mengikut dasar kesusutan kebangsaan Kerajaan mengenai minyak, pengeluaran petroleum mentah di bawah Rancangan Malaysia Keempat adaiiah dijangka menambah daripada 280,000 tong sehari kepada 362,900 tong sehari dalam tahun 1985 atau tambahan pengeluaran sebanyak kira-kira 5% setahun.

Angka-angka pengeluaran yang ditetapkan di bawah dasar kesusutan kebangsaan telah diketepikan dalam tahun 1983 untuk mendapatkan hasil yang lebih bagi Kerajaan apabila ceiling Rancangan Malaysia Keempat bagi pengeluaran petroleum mentah telah dilebihi dengan pengeluaran 383,300 tong sehari dalam tahun 1983 dan 446,800 tong sehari dalam tahun 1984.

Pada hujung bulan Disember tahun lalu, Yang Berhormat Menteri Kewangan mengumumkan bahawa sebagai tanda perpaduan dengan pertubuhan negara-negara yang mengeksport petroleum (OPEC), Malaysia akan mengurangkan pengeluaran minyak mentahnya sebanyak 40,000 tong sehari dengan mengurangkan pengeluaran minyak dari 440,000 tong sehari dahpada 400,000 tong sehari.

Walau bagaimanapun, mengikut Laporan Ekonomi Perbendaharaan tahun 1985/1986, hanya akan terdapat penurunan sebanyak 3.8% iaitu kepada 430,000 tong sehari sahaja dalam tahun 1985 dan untuk tahun depan pula, untuk tahun 1986, pengeluaran petroleum mentah akan bertambah sebanyak 18.6% untuk mencapai 510,000 tong sehari yang merupakan excess.....

**Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili):** (*Bangun*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang bangun minta jalan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya.

**Datuk Dr James P. Ongkili:** Pembetulan, Tuan Yang di-Pertua, solidarity dengan OPEC itu ialah daripada 460,000 tong sehari kepada 420,000 tong sehari.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tetapi daripada semua angka-angka yang ada diberi oleh Kerajaan, angka yang digunakan ialah 440,000 tong. Saya belum melihat angka 460,000 tong, mungkin itu satu dokumen yang rahsia yang dibaca oleh Yang Berhormat Menteri sendiri sahaja, tetapi daripada Laporan-laporan Perbendaharaan dalam pengumuman, Menteri-menteri dalam suratkhabar, angka yang

digunakan ialah 440,000 tong basis, asas pengeluaran tahun 1984 dan untuk tahun 1985 diturunkan 10% dan kalau ada dokumen yang menunjukkan ialah sebenarnya 460,000 tong kenapa Parlimen, kenapa rakyat tidak diberi angka yang sebenar?

**Datuk Dr James P. Ongkili:** Penjelasan!

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila.

**Datuk Dr James P. Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya hendak membantu Ketua Pembangkang sahaja, angka-angka yang saya sebut adalah yang benar.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Saya tidak tahu benar atau tidak benar oleh kerana kita mahu tengok baru kita boleh percaya benar atau tidak benar, oleh kerana kita ada Laporan Perbendaharaan. Memang Yang Berhormat Menteri mahu kita di sini tidak menerima angka-angka yang ada dalam Laporan Perbendaharaan. Dengan matlamat atau target 510,000 tong sehari dalam tahun depan yang merupakan excess sebanyak 40% daripada ceiling yang ditetapkan di bawah Rancangan Malaysia Keempat bagi pengeluaran petroleum.

Kerajaan telah bertindak secara membabibuta (*reckless*) dengan mengerjakan telaga-telaga minyak untuk mengisi kekurangan hasil tanpa menghiraukan langsung kebajikan generasi akan datang Malaysia.

Sehingga ini Kerajaan telah memesongkan rakyat dan Parlimen tentang mengurangkan 10% dalam pengeluaran petroleum itu dan ini menimbulkan persoalan, mengapakah Kerajaan merahsiakan angka-angka mengenai pengeluaran petroleum.

Orang awam berhak bertanya sama ada peningkatan pengeluaran petroleum setinggi itu adalah demi

kepentingan generasi-generasi akan datang memandangkan pasaran minyak dunia kini sedang mengalami kelebihan minyak (glut) di mana harga purata petroleum mentah Malaysia dijangka menurun kepada US\$26 setiap tong pada tahun 1986 berbanding dengan US\$36.27 dalam tahun 1982, US\$28 dalam tahun 1984 dan US\$27.50 sen dalam tahun 1985.

Disebabkan petroleum adalah sumber semula jadi bagi rakyat Malaysia dan bukan beberapa orang Menteri sahaja, maka Parlimen sebagai Dewan Perwakilan tertinggi rakyat berhak mendapatkan akauntabiliti yang lebih daripada Kerajaan dan PETRONAS dalam hal pengendalian sumber-sumber petroleum. Kerajaan tidak seharusnya menggadaikan hak generasi-generasi akan datang Malaysia semata-mata untuk mendapatkan wang dan hasil yang lebih untuk membantu partai pemerintah menghadapi pilihanraya umum yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, apabila mengakhiri ucapannya, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah menyeru setiap golongan rakyat di negara ini supaya berdiri teguh di belakang Kerajaan. Beliau berkata bahawa perpaduan perlu diperkukuhkan lagi dan kita tidak boleh berpecah-belah atau berkonfrantasi antara satu sama lain, lebih-tebih lagi semasa negara menghadapi berbagai cabaran. Beliau juga berkata Kerajaan semata-mata tidak mampu membawa kemajuan yang lebih kepada rakyat tanpa sokongan dan kerjasama semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri telah menyentuh akan rahsia di sebalik kejayaan dan kemasyhuran sesuatu negara. Kerajaan hendaklah lebih terbuka, demokratik dan "accountable" serta dipercayai rakyatnya sekiranya ingin memperolehi sokongan rakyat

serta keyakinan para pelabur-pelabur dalam dasar-dasar ekonomi Kerajaan. Sekiranya rakyat, malah pelabur-pelabur mempercapai bahawa keputusan-keputusan penting dibuat secara sewenang-wenang oleh beberapa orang pemimpin-pemimpin sahaja tanpa penyertaan dan persetujuan rakyat jelata seperti dikehendaki dalam sebuah demokrasi berparlimen yang berjalan, maka Kerajaan hanya boleh menyalahi dirinya sendirinya sekiranya dasar-dasarnya tidak menerima sokongan orang ramai atau keyakinan para pelabur.

Baru-baru ini pemimpin-pemimpin Kerajaan termasuk Yang Berhormat Menteri Kewangan telah membidas sektor swasta kerana sambutan kurang menggalakkannya terhadap langkah-langkah Kerajaan yang bertujuan membantunya. Yang Berhormat Menteri Kewangan telah berkata pada minggu lalu bahawa beliau meragui sama ada sektor swasta lebih cekap atau agresif daripada sektor awam kerana berbagai tindakan Kerajaan seperti mengurangkan kadar elektrik, pelancaran tabung pelaburan baru bernilai berbillion ringgit telah tidak dapat sambutan banyak. Rasa kecewa Yang Berhormat Menteri Kewangan terhadap sikap separuh dingin sektor swasta dapat difahami apabila menurut ucapan yang disampaikan dalam Perhimpunan Agung UMNO Kerajaan telah melabur \$4.41 billion ke dalam pasaran tanpa kesan yang nyata kecuali peningkatan secara spekulatif beberapa buah kaunter di pasaran saham.

Dalam bulan Mei tahun ini Yang Berhormat Perdana Menteri sendiri telah melahirkan rasa sedihnya bahawa Malaysia mungkin tidak dapat memasuki dunia teknologi perkilangan yang sofistikated sekiranya interpreneur-interpreneur Malaysia tidak dapat mencontohi rakan-rakan sejawatnya dalam negara

industri baru atau NIC seperti Taiwan, Hong Kong dan Korea Selatan dalam mengeluarkan segala jenis barang-barang teknologi tinggi. Akan tetapi sehingga ini pemimpin-pemimpin Kerajaan telah gagal menghadapi soalan yang paling penting dan kritikal iaitu bagaimana ia dapat memperolehi keyakinan orang ramai dan para pelabur terhadap dasar-dasar Kerajaan.

Dengan menjelangnya tahun 1990, penamatan rancangan perspektif 20 tahun Dasar Ekonomi Baru, rakyat dipengaruhi untuk mempercayai bahawa Kerajaan akan mengikuti satu dasar yang bersifat kurang defisit atau dasar pembumiputeraan mengenai kuota-kuota dan peratus bagi orang-orang bumiputera akan diberhentikan atau akan diberi keutamaan yang kurang dalam dasar-dasar negara.

Akan tetapi beberapa perkembangan baru-baru ini menunjukkan bahawa selepas tahun 1990 bukan sahaja Dasar Ekonomi Baru negara yang berasaskan perbezaan rakyat Malaysia kepada orang-orang bumiputera dan bukan bumiputera akan terus dikekalkan tetapi pembumiputeraan dikekalkan tetapi pembumiputeraan seumpama itu akan menjangkau keekstriman dan rupa bentuk yang baru. Misalnya Majlis Daerah Batu Pahat Barat telah baru-baru ini mengumumkan kenaikan kadar-kadar pentaksiran harta benda sebanyak hampir-hampir seribu peratus, akan tetapi paling menakjubkan adalah buat pertama kalinya di negara ini kadar penaksiran harta benda yang berlainan telah diumumkan oleh sebuah Majlis Daerah yang membeza-bezakan antara harta benda bumiputera dan harta benda bukan bumiputera di mana harta benda-harta benda bumiputera akan diberikan potongan-potongan antara 25% ke 50% kepada kadar kenaikan yang diumumkan.

Ahli-ahli Dewan Negeri Johor dari MCA telah mengatakan bahawa

pembezaan harta benda-harta benda antara orang-orang bumiputera dan bukan bumiputera telah diputuskan oleh Kerajaan Negeri Johor selepas Pilihanraya 1982. Penciptaan pembezaan baru antara harta benda-harta benda bumiputera dan bukan bumiputera serta kadar-kadar pentaksiran yang berlainan bukan sahaja merupakan suatu pelanggaran akan jaminan Perlembagaan seperti termaktub di dalam Artikel 8 yang mencegah perbezaan perkauman akan tetapi lebih serius lagi adalah kemungkinan bahawa ia akan memburukkan lagi polarisasi kaum yang seterusnya akan melemahkan keyakinan pelabur-pelabur terhadap masa hadapan ekonomi negara kita.

Saya akan memberikan satu lagi contoh tentang dasar Kerajaan yang keterlaluan serta langkah-langkah yang mungkin dapat memansuhkan usaha-usaha Kementerian Kewangan untuk menarik komitmen sektor swasta untuk melabur di Malaysia. Pada hujung minggu lalu Yang Berhormat Ketua Menteri Melaka telah memberi amaran bahawa sebarang kritikan akan dasar kuota bumiputera Kerajaan Negeri bagi rancangan-rancangan perumahan akan mengancam harmoni rakyat dan bahawa ia merupakan satu isu sensitif yang tidak boleh dikritik atau ditentang.

Saya difahamkan bahawa Kerajaan Negeri Melaka di bawah Ketua Menteri telah mengenakan kuota bumiputera yang tertinggi sekali bagi skim-skim perumahan di Malaysia. Selepas Pilihanraya Umum 1982 Yang Berhormat Ketua Menteri Melaka telah mengenakan kuota bumiputera sebanyak 70% ke 80% yang memerlukan pemaju-pemaju perumahan menambahkan antara 70% ke 80% rumah-rumah mereka bagi bumiputera-bumiputera. Malah terdapat satu kes di mana Ketua Menteri telah mengenakan 100% bagi

orang-orang bumiputera yang kemudian dikurangkan kepada 80% setelah rayuan dibuat.

Dasar pembumiputeraan yang begini ekstrim bukan sahaja telah mencekik industri perumahan di Melaka bahkan telah melemahkan keyakinan pelabur-pelabur pada negara kita. Akibat dasar pembumiputeraan Ketua Menteri Melaka yang begitu keterlaluan, kini hampir tidak ada aktiviti perumahan di Melaka kerana tiada pemaju yang rela mengendalikan projek-projek perumahan dengan kuota bumiputera yang begitu tinggi. Malah bank-bank pun tidak rela memberi bridging finance bagi rancangan yang begini penuh kesangsian.

Menurut satu kajian di Melaka, antara 10 tahun (1970 ke 1980) daripada 1,500 lot-lot bumiputera hanya 431 unit telah diduduki. Satu sumber industri perusahaan telah menganggarkan bahawa kini ada kira-kira 2,000 lot bumiputera di Melaka yang tidak boteh dijual.

Kerajaan Persekutuan patut mengarahkan semua Kerajaan seperti Kerajaan Negeri menggantungkan dasar kuota bumiputera bagi rancangan-rancangan perumahan jika terdapat lebih daripada 300 unit bumiputera di dalam negeri tersebut yang tidak boleh dijual. Ini adalah supaya rancangan perumahan yang kini merupakan di antara kegagalan terbesar Barisan Nasional tidak akan terjejas. Akan tetapi yang lebih serius daripada kesan-kesan buruk dasar pembumiputeraan terhadap rancangan perumahan adalah kesannya yang melemahkan keyakinan awam serta pelabur-pelabur. Ini adalah akibat perasaan bahawa mereka sering tertakluk kepada belas kasihan dasar pembumiputeraan yang sewenang-wenangnyanya.

Tuan Yang di-Pertua, selepas pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru selama 15 tahun, rakyat tidak diyakinkan bahawa ktasifikasi harta benda orang-orang bumiputera dan harta benda-harta benda orang-orang bukan bumiputera oleh Majlis Daerah Batu Pahat Barat dan kuota Kerajaan Negeri Melaka bagi orang-orang bumiputera dalam skim-skim perumahan dari 70% ke malahan 100% dalam satu kes merupakan penyimpangan atau penyelewengan Dasar Ekonomi Baru.

Pandangan awam diperkuatkan lagi apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dalam ucapannya di Kem Kerja Pemuda Barisan Nasional yang diadakan di Lubuk Antu di Sarawak, 10 hari sebelum perayaan Hari Kebangsaan yang bertemakan Nasionalisma Teras Perpaduan Negara telah merujukkan kepada orang-orang bukan Melayu Malaysia sebagai kaum imigran.

Saya berani mengatakan bahawa kata-kata dan ucapan-ucapan serupa ini, baik pun oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau lain-lain, mempunyai kapasiti untuk menjahanamkan segala usaha yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam ucapan Budgetnya yang menyeru rakyat bersatu-padu dan menyokong usaha-usaha pembangunan Kerajaan serta mewujudkan keyakinan orang awam dan para pelabur.

Demi mewujudkan keadaan di mana akan terdapat usaha kebangsaan untuk menghadapi krisis ekonomi yang dihadapi oleh negara, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri haruslah meminta maaf kerana berkata kepada orang-orang bukan Melayu Malaysia kerana sifatkan mereka secara terlalu ofensif sebagai imigran kerana:

- (1) ini adalah tidak tepat disebabkan sebilangan terbesar orang-orang bukan Melayu

Malaysia adalah sudah dilahirkan di negara ini dan akan mati di negara ini dan mereka adalah seasil mana-mana orang lain.

- (2) pengklasifikasi seumpama itu yang membawa pengklasifikasi bumiputera dan bukan bumiputera ke tahap yang lebih dahsyat adalah bersifat amat divisif dan memecah-belahkan proses pembinaan negara.

Pada 12hb Oktober, 1985 ada 27 buah Persatuan-persatuan Perdagangan Cina (Chinese Guilds and Association of Malaysia) telah mengeluarkan satu Perisytiharan Bersama yang mencadangkan satu penyelesaian baru kepada masalah-masalah negara dan membina sebuah negara yang benar-benar bersatu, berharmoni serta makmur untuk warganegara-warganegara Malaysia dari semua kaum.

Sebagai langkah pertama, saya menyeru Kerajaan mengumumkan penerimaan Perisytiharan tersebut yang pada prinsipnya akan menggariskan dasar-dasar yang paling asas bagi usaha kebangsaan untuk menghadapi krisis ekonomi Malaysia. Mukadimah Perisytiharan tersebut adalah berbunyi, saya baca Preamble sahaja, dalam bahasa Inggeris, dengan izin:

"The Chinese Guilds and Association of Malaysia have unanimously moved to issue this Joint Declaration at this juncture for the following reasons:

- (1) The Chinese Malaysian community is alarmed at the seriousness of the problem of racial polarisation which, in our opinion is caused mainly by government policies which constantly emphasize that "bumiputera interest must come first", as well as by administrative measures

which have eroded and deprived the other Malaysian communities of their fundamental liberties to equality in the political, economic, social, cultural, linguistic and educational spheres.

- (2) The Chinese Malaysian community is not only concerned that there is increasing polarisation between the rich and poor in general, but also disturbed at the fact that the Government's Malay-centrism has neglected the problem of poverty in other communities and let to anomalies in the economic sphere.
- (3) The Chinese Malaysian community is also concerned at the transgression of freedom and democracy in our country and we believe that the violation of human rights; economic, political and cultural oppression; social injustice, are the root causes of discrimination and communal tension.
- (4) We also observed with disappointment that the Barisan Nasional government and the various political parties in the country have thus failed to bring about the resolution of the above-mentioned grievences. In issuing this Declaration, we recall the safeguards and guarantees of the fundamental liberties of equality and democracy in the Federal Constitution of Malaysia and Rukunegara as well as the United Nations' Declaration and Conventions."

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap khasnya agar Ahli-ahli Parlimen MCA

dan Gerakan akan menyuarakan pendirian mereka yang terus terang akan Perisytiharan ini dan juga menerangkan mengapa Kerajaan telah gagal menarik sokongan awam serta keyakinan pelabur-pelabur terhadap dasar-dasar ekonominya. Dan khasnya saya berharap bahawa Yang Berhormat dari Tanjong yang ada kata bahawa dalam suratkhbar bahawa beliau sokong perisytiharan itu pun boleh dengan terbuka bagi pihak Gerakan memberikan sokongan bukan sahaja mulut tetapi juga secara usul untuk menunjukkan untuk meminta Dewan ini bukan sahaja menerima perisytiharan tetapi bahawa menentang dasar-dasar yang memecah-belahkan rakyat Malaysia kepada dua golongan bumiputera dan bukan bumiputera.

Sekarang saya akan membincangkan beberapa cadangan belanjawan serta masalah-masalah ekonomi yang dihadapi oleh negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan belanjawannya Menteri Kewangan telah menyeru supaya rakyat berkorban sedikit. Pencen Ahli-ahli Parlimen dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri kini akan dicukai sehingga umur persaraan 55 tahun kecuali atas alasan-alasan kesihatan. Yang Berhormat Menteri Kewangan telah mengatakan bahawa tujuan langkah-langkah ini adalah untuk meletakkan perkhidmatan politik setaraf dengan perkhidmatan awam berhubung dengan percukaian-percukaian ke atas pencen.

Langkah Yang Berhormat Menteri Kewangan ini patut dibawa selangkah lagi ke hadapan dengan menyamakan hak-hak pencen Ahli-ahli Parlimen dengan Perkhidmatan Awam. Peruntukan 1980 yang membolehkan Ahli-ahli Parlimen serta Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri menerima pencen selepas perkhidmatan selama tiga tahun patut dimansuhkan dan

peruntukan lama yang memberi hak untuk menikmati pencen selepas berkhidmat selama 9 tahun hendaklah dipulihkan.

Ahli-ahli politik termasuk Ahli-ahli Parlimen serta Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri patut memberi contoh tauladan yang baik demi mengurangkan perbelanjaan awam. Pada masa sekarang yang menekankan sikap jimat-cermat ekonomi, wujud juga keperluan untuk mengurangkan elaun-elaun Ahli-ahli Parlimen serta Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, termasuk juga potongan gaji Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri serta Setiausaha-setiausaha Parlimen, khususnya elaun-elaun perjalanan serta keraian.

Tuan Yang di-Pertua, antara masalah-masalah terbesar yang akan menghadapi rakyat Malaysia dalam tahun-tahun akan datang adalah gejala pengangguran dan menjelang tahun 1986 telah dianggarkan secara konservatif sebanyak 7.6% yang melibatkan 427,000 orang.

Masalah pengangguran adalah diperburukkan lagi oleh masalah pembuangan kerja atau retrenchment secara berleluasa, kembalinya kira-kira 100,000 orang pekerja di luar negeri serta wujudnya kira-kira satu juga orang pendatang haram, khususnya pendatang haram Indonesia.

Walaupun pekerja-pekerja yang dibuang kerja berhak menerima faedah-faedah tertentu atau retrenchment, peruntukan ini hanya bertujuan bagi keadaan-keadaan ekonomi biasa sahaja, bila mana kes-kes pembuangan kerja adalah sedikit sahaja serta terasing. Ia bukan bagi keadaan sekarang di mana kes-kes pembuangan kerja di sektor-sektor elektronik serta tekstail adalah seakan-akan satu epidemic.

Parti DAP menyeru diadakan undang-undang yang mewajibkan

syarikat-syarikat memberikan amaran pemuangan kerja (early warning system) 3 bulan lebih awal kepada kerajaan serta pekerja-pekerja sebelum notis-notis retrenchment dikeluarkan. Ini memberikan masa yang mencukupi kepada Kerajaan serta pekerja-pekerja untuk menimbang sama ada pemuangan kerja itu adalah munasabah atau hanya satu alasan demi mengurangkan kos. Ia juga membolehkan peruntukan-peruntukan alternatif dirancangan.

Buat sekian lama, Kementerian Buruh telah bersikap acuh tak acuh terhadap masalah-masalah retrenchment pekerja-pekerja dan yang kembali dari luar negeri akibat retrenchment di situ.

Kerajaan patut mengadakan satu jawatankuasa peringkat tinggi untuk memperolehi pekerjaan alternatif bagi pekerja-pekerja yang dibuang kerja di sini dan juga di luar negeri.

Adalah sungguh ironic bahawa tatkala gejala pengangguran sedang mengancam dengan kehadirannya, Malaysia sedang menjadi tuan rumah kepada kira-kira satu juta orang pendatang-pendatang haram asing yang menjejaskan periuk nasi warganegara kita sendiri.

Pendatang-pendatang haram Indonesia bukan sahaja mewujudkan masalah-masalah sosio-ekonomi kepada Malaysia akan tetapi ia juga mengancam ketenteraman awam. Seterusnya ia juga mewujudkan masalah-masalah politik dan pembinaan negara jangka panjang kepada Malaysia.

Kerajaan Persekutuan telah memejamkan matanya terhadap kedatangan pendatang-pendatang haram Indonesia sejak lewat tahun tujuh puluhan dan sindiket-sindiket yang melibatkan pemimpin-pemimpin tempatan UMNO adalah bertanggungjawab membawa masuk pendatang-

pendatang haram Indonesia dengan memberikan mereka tempat untuk berteduh, menyimpan serta membantu kemasukan haram mereka. Ini sekarang telah pun diakui oleh Laporan Ekonomi yang mengatakan, dan saya petik:

"Masalah kekurangan buruh dalam tempoh beberapa tahun kebelakangan ini dapat diatasi sedikit melalui pengambilan pekerja-pekerja luar, terutamanya daripada Indonesia."

Tuan Yang di-Pertua, Perjanjian Malaysia-Indonesia untuk membekalkan pekerja-pekerja telah hanya ditandatangani dalam bulan Mei tahun lalu dan walaupun Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah berkata pada waktu itu bahawa Perjanjian tersebut akan mengawal kemasukan pekerja-pekerja Indonesia ke Malaysia dan mengelakkan kebencian orang-orang tempatan terhadap kebanyakan pendatang-pendatang haram Indonesia, namun Perjanjian tersebut merupakan secebis kertas yang tidak berguna.

Perjanjian tersebut bukan sahaja gagal menyekat kebanyakan pendatang-pendatang haram Indonesia bahkan orang-orang Indonesia yang dibawa masuk secara halal di bawah Perjanjian tersebut lebih rela meninggalkan kerjakerja mereka dan menyertai kumpulan pendatang-pendatang haram.

Walaupun Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mengumumkan perluasan skop Pasukan Petugas VII untuk meliputi semua pendatang-pendatang haram asing dan setiap hari publisiti diberi tentang jumlah pendatang-pendatang haram yang ditangkap, namun orang awam masih tidak diyakinkan bahawa Kerajaan adalah serius dalam usaha untuk menyelesaikan secara berkesan masalah pendatang-pendatang haram Indonesia seperti pernah dibuat oleh Kerajaan terhadap masalah pelarian-pelarian Vietnam dalam tahun 1979.

Bukanlah sukar bagi Kerajaan untuk mengatasi masalah pendatang-pendatang haram Indonesia. Apa yang harus dibuat oleh Kerajaan ialah untuk meluluskan undang-undang untuk menjadikan sebagai satu kesalahan wajib dipenjarakan sesiapa sahaja yang membantu, bersubahat, menyimpan, memberi tempat berteduh atau menggaji pendatang-pendatang haram Indonesia. Rakyat Malaysia yang memperoleh keuntungan kewangan daripada pendatang-pendatang haram Indonesia hendaklah dianggap sebagai anasir-anasir anti-nasional yang telah melakukan satu kesalahan besar yang menyebabkan masalah-masalah politik, ekonomi, ketenteraman awam dan pemeliharaan undang-undang serta pembinaan negara jangka pendek, sederhana dan panjang kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Belanjawan-belanjawan dahulu, Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan selalunya telah menyebut tentang betapa perlunya dikurangkan Defisit Akaun Tak Ketara yang telah menyebabkan defisit dalam akaun semasa Pembayaran Imbangan. Tetapi kata-kata ini tidak berguna kerana hutang luar negara adalah tinggi. Berbanding dengan GNP, tahap hutang luar negeri Malaysia adalah di antara yang paling tinggi di dunia. Hutang luar negeri Kerajaan Persekutuan telah melompat dari \$4.8 billion dalam tahun 1980 kepada \$21.3 billion dalam tahun 1985.

Ketiga-tiga komponen hutang luar negeri iaitu:

- (a) hutang Kerajaan Persekutuan;
- (b) hutang-hutang yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan dan kebanyakannya untuk membiayai OBAs;
- (c) hutang sektor swasta telah meningkat secara deras antara tahun 1981 hingga 1985.

Maka, antara tahun-tahun 1981-1985, hutang Kerajaan Persekutuan telah naik sebanyak 157% dari \$8.3 billion kepada \$21.3 billion; hutang yang dijamin oleh Kerajaan pula sebanyak 196.5% dari \$3.1 billion kepada \$9.1 billion, dan hutang sektor swasta pula sebanyak 150% dari \$4 billion kepada \$10 billion. Maka, jumlah hutang luar negeri telah bertambah sebanyak 162% dari 15.4 billion kepada \$40.4 billion dalam tahun 1985.

Hutang luar negeri Persekutuan sebagai nisbah GNP pula telah naik daripada 10% dalam tahun 1980 kepada 29% dalam tahun 1984. Nisbah jumlah hutang sektor awam (termasuk OBA) kepada GNP pula telah naik daripada 21% dalam tahun 1981 kepada 39% dalam tahun 1984. Secara keseluruhan, hutang luar negeri—nisbah GNP telah melompat dari 28% dalam tahun 1981 kepada 52% pada penghujung tahun 1984.

Menurut satu kajian yang dijalankan baru-baru ini, nisbah hutang luar negeri kepada GNP bagi Malaysia adalah jauh lebih tinggi daripada purata negara-negara membangun secara am, malah lebih tinggi daripada beberapa negara-negara yang kini menghadapi masalah-masalah pembayaran yang teruk. Dalam tahun 1983, jumlah hutang luar negeri Malaysia telah merupakan, atau ratio kepada GNP, merupakan 49% berbanding dengan Brazil serta Filipina 40%, Korea Selatan 31%, Thailand 25% dan purata bagi negara-negara membangun 36%.

Akibat daripada hutang luar negeri yang kian meningkat, pembayaran balik hutang juga sedang meningkat tinggi tahun demi tahun. Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan dijangka menaik sebanyak 7% dari \$56,927 juta dalam tahun 1984 kepada \$60,912 juta dalam tahun 1985, yang terdiri daripada 65% hutang dalam negeri dan

35% hutang luar negeri. Pembayaran balik hutang Kerajaan Persekutuan akan naik kepada \$5,925 juta atau 27% daripada perbelanjaan pengurusan menjelang tahun 1986.

Penambahan hutang-hutang luar negeri yang begini pantas pasti akan merumitkan usaha Kerajaan untuk mengurangkan defisit Akaun Perkhidmatan ke tahap yang boleh dikawal. Terdapat satu keperluan yang mendesak bagi kawalan yang lebih ketat ke atas perbelanjaan OBA serta Kerajaan, pembatalan segala projek-projek mewah serta perbelanjaan-perbelanjaan boros seperti lawatan-lawatan ke luar negeri yang sering dilakukan oleh Menteri-menteri, Menteri-menteri Besar serta Ketua-ketua Menteri.

Jabatan-jabatan Kerajaan serta Agensi-agensi OBA patut berhenti bertanding mendirikan kompleks-komplek pejabat serta beli-belah pelbagai tingkat, seperti projek \$600 juta KOMTAR di Penang, projek \$313 juta Dayabumi di Kuala Lumpur dan bangunan-bangunan PNB serta Tabung Haji yang baru siap dibina. Suatu kajian Bank Negara pada awal tahun 1985 menunjukkan pertambahan 124% dalam ruang pejabat baru yang sedia untuk disewa di Kuala Lumpur untuk tahun 1985. Ini adalah akibat persiapan seluas 4.3 juta kaki persegi ruang yang boleh disewa pada tahun itu, berbanding dengan hanya 3.7 juta kaki persegi dalam tahun 1984. Maka wujudlah satu keadaan di mana wujud kelebihan ruang pejabat serta kekurangan penggunaan atau under-utilisation, dengan izin, bangunan-bangunan yang mahal.

Pada bulan Ogos lalu, Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam telah menyatakan bahawa UDA telah merangka rancangan bagi menggalakkan kompleks Dayabumi sebagai suatu pusat perdagangan yang

dinamik dengan mengurangkan kadar sewa untuk menarik lebih ramai peniaga-peniaga. Apa yang sebenarnya dimaksudkan adalah bahawa Dayabumi sebenarnya merupakan suatu projek "Gajah Putih" yang pasti akan menjadi satu malapetaka yang amat besar jika Jabatan-jabatan Kerajaan atau OBA-OBA tidak menduduki kebanyakan ruang pejabat.

Dalam jawapan beliau kepada soalan saya pada bulan April tahun ini, beliau telah mengatakan bahawa UDA akan mengambil masa 27 tahun untuk menebus balik kos pendirian Dayabumi, berdasarkan sewa yang diterima. Dengan penurunan kadar sewa demi menjadikannya suatu "pusat perdagangan yang dinamik" ia sudah pasti akan menambahkan 10 tahun lagi kepada tempoh penebusan balik kos bangunan 27 tahun itu dan juga melanjutkan beban ke atas rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi butir utama dalam Defisit Akaun Tak Ketara ialah lebih \$1 billion yang dibelanjakan setiap tahun oleh ibubapa Malaysia kerana pendidikan anak-anak mereka di luar negeri. Adalah merupakan suatu hakikat yang tidak boleh diterima bahawa kebanyakan daripada penuntut-penuntut kolej serta universiti Malaysia berada di luar negeri. Untuk menjimatkan tukaran wang asing serta mengurangkan beban kewangan ke atas ibubapa-ibubapa, Kerajaan patut menggubal satu dasar baru yang memperuntukkan 80% tempat bagi pelajar-pelajar Malaysia di peringkat kolej-kolej dan universiti di dalam negeri.

Kerajaan patut membenakan penubuhan universiti-universiti swasta serta bertujuan menubuhkan sekurang-kurangnya sebuah universiti di setiap negeri di Malaysia menjelang tahun 1990, sama ada swasta atau awam. Menurut satu kajian, hanya 5% belia Malaysia antara umur 20 dan 24

tahun berada dalam institusi-institusi pengajian tinggi, berbanding dengan 30% daripada belia di Jepun, 55% di Amerika Syarikat dan 20% di Britain. Perbelanjaan awam perkapita Malaysia bagi tujuan pendidikan adalah hanya US\$90 berbanding dengan US\$341 di Jepun, US\$394 di Britain dan \$623 di United States.

Kerajaan patut memberi dorongan yang lebih kepada penggalakkan pendidikan tinggi. Kos-kos pendidikan tinggi yang ditanggung oleh rakyat Malaysia patut dibenarkan dipotong bagi tujuan-tujuan pencukuaian. Dengan cara ini, suatu peraturan lebih tinggi rakyat Malaysia akan berjaya memperolehi pengetahuan serta kepakaran, yang dapat membolehkan Malaysia bersaing dengan dunia.

Berhubung dengan ini, saya ingin mendesak Yang Berhormat Menteri Pelajaran menimbulkan semula dengan Kerajaan Australia persoalan kenaikan yuran-yuran yang terlalu tinggi bagi pelajar-pelajar Malaysia di Australia. Pelajar-pelajar Malaysia yang terjejas oleh kenaikan yuran Australia mengharapkan sokongan serta simpati Kerajaan Malaysia dan mereka mahukan Kerjaan campur tangan dalam hal ini demi kepentingan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya meninggalkan tajuk pengajian tinggi, saya ingin tahu mengapa Yang Berhormat Menteri Pelajaran membisu atas kontroversi USM, serta krisis keyakinan terhadap universiti-universiti. Walhal Yang Berhormat Menteri Pelajaran dengan wajarnya begitu cepat telah bertindak terhadap pengharaman ceramah hadith oleh bekas Pengerusi PSRM, Encik Kassim Ahmad. Saya mengalu-alukan tindakan Yang Berhormat Menteri demi menjamin suasana kampus yang lebih terbuka serta bebas, walaupun sata tidak sedar sama ada ini ada hubungan dengan khabar-khabar ingin yang mengatakan bahawa

Kassim Ahmad akan menyertai UMNO, malah akan menjadi calon UMNO dalam pilihanraya umum akan datang.

Walau bagaimanapun, sehubungan dengan kontroversi USM dan krisis kekurangan keyakinan di kalangan kakitangan akademik yang pasti begitu penting bagi rancangan universiti kita, Menteri Pelajaran nempaknya besikap acuh tak acuh. Saya amat mengambil berat bahawa pihak berkuasa USM telah mengeluarkan surat-surat tunjuk sebab mengapa tidak harus dipecat kepada Hashim Yaacob dan Rohana Ariffin, Presiden serta Timbalan Presiden masing-masing Persatuan Kakitangan Akademik USM, kerana kenyataan-kenyataan yang dibuat atas sifat rasmi mereka.

Pihak berkuasa USM sedang bertindak dengan cara yang begitu remeh temeh serta bersifat punitif terhadap aduan-aduan sah oleh para akademik USM, berhubung dengan pentadbiran universiti. Menteri Pelajaran patut melibatkan diri untuk mendesak pihak berkuasa USM menarik balik kedua-dua surat tunjuk sebab itu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri berkenaan hendaklah secara sendiri menyiasat ke dalam kontrovesi USM itu khasnya mengapa dua orang Timbalan Naib Canselor USM yang meletak jawatan iaitu Professor Shahrom Ahmad (Penyelidikan dan Pembangunan) dan Profesor Kamal Salleh (Akademik) kerana mereka berasa kecewa atau frustrated akibat ketiadaan perundingan yang bermakna dalam pengurusan pentadbiran universiti.

Tuduhan-tuduhan yang serius telah dibuat terhadap pentadbiran USM, misalnya tuduhan bahawa pemusatan kuasa dalam tangan Naib Canselor telah menyebabkan kewujudan sistem penaungan (patronage system) di mana kenaikan pangkat tidaklah

berasaskan kepada kecemerlangan akademik tetapi pilih kasih; bahawa kakitangan-kakitangan rendah telah dilantik ke jawatan-jawatan tinggi akademik dan pentadbiran sungguhpun mereka tidak memperlihatkan kebolehan mereka dengan apa-apa cara juapun; campurtangan pihak pentadbiran dalam hal-hal berhubung dengan kurikulum; tekanan yang dikenakan ke atas Pensyarah-pensyarah yang dianggap terlalu tegas dalam penggeredan kertas-kertas peperiksaan; percubaan untuk mengurangkan Lembaga dan Senat Universiti kepada badan-badan yang tidak berkesan; serta kecenderongan umum untuk menggantikan proses perundingan (consultation) dengan pentadbiran secara fiat.

Tuduhan-tuduhan ini tidak boleh diselesaikan dengan menguatkuasakan Akta Universiti dan Kolej Universiti untuk mensenyapkan pegawai-pegawai Persatuan Kakitangan Akademik. Sekiranya para ahli akademik dalam universiti-universiti kita melalui pertubuhan perwakilan mereka tidak boleh mengadu tentang hal-hal berhubung dengan pentadbiran universiti, maka apakah jenis universiti yang kita mahu membina di Malaysia? Apakah kita mahukan pelajar-pelajar dan pensyarah-pensyarah universiti kita menjadi "intellectual eunuch"?

Kini pada keseluruhannya wujud satu krisis keyakinan di kalangan para akademik universiti-universiti kita. Saya menyeru Yang Berhormat Menteri Pelajaran menyahut seruan yang dibuat oleh wakil-wakil Persatuan Kakitangan Akademik dari berbagai universiti untuk ditubuhkan sebuah Suruhanjaya Bebas Universiti-universiti yang dilantik oleh dan bertanggungjawab kepada Parlimen untuk memastikan terdapat kecemerlangan akademik serta sumbangan sosial yang bermakna dari universiti-universiti kita.

Tugas Suruhanjaya . Universiti-universiti adalah seperti berikut:

- (1) untuk menyelaras perkembangan pelajaran tinggi memenuhi keperluan negara dengan cara yang teratur;
- (2) menjamin autonomi universiti serta memastikan kecemerlangan akademik dan sumbangan bermakna oleh universiti kepada masyarakat;
- (3) menyalurkan peruntukan kewangan kepada universiti; dan
- (4) bertindak sebagai badan rayuan yang tertinggi bagi semua universiti dan ahli-ahli akademik selagi fungsi-fungsi dan kuasa-kuasa majlis setiap universiti yang sedia wujud terus dikekalkan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya meninggalkan perkara pelajaran, saya harap bahawa Yang Berhormat Menteri Pelajaran akan menanggukkan pelaksanaan dan penerimaan program-program Integrated Primary School yang sudah membangkitkan syakwasangka di kalangan ibubapa, guru-guru dan badan-badan yang berhubung dengan pelajaran.

Saya berharap bahawa sebelum pelan ini dilaksanakan atau diputuskan bahawa semua "reservation" ibubapa, guru-guru dan badan-badan yang tertentu boleh dihapuskan dan cadangan pihak kita ialah bahawa pelaksanaan yang dijadual dijalankan pada awal tahun depan ditangguhkan sehingga semua pihak yang berkenaan tidak lagi ada soalan mengenai tujuan akhirnya. Saya harap bahawa Kementerian Pelajaran boleh faham latar belakang kenapa ada begitu banyak distrust, syakwasangka mengenai tujuan Kementerian dalam hal ini oleh kerana semenjak tahun 1961 apabila Akta Pelajaran

digubalkan, Akta itu merupakan, dengan izin, a Damocles' sword yang boleh menjejaskan character Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan (Cina). Saya harap dalam perkara ini, satu approach yang baru boleh diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah berkata bahawa Kerajaan sedang menimbang satu rancangan pembangunan baru untuk 460 buah kampung-kampung baru di negara ini serta 1.5 juta penduduk-penduduknya. Saya berharap ini bukanlah satu muslihat atau gimmick pilihanraya semata-mata untuk memancing undi dan dilupai selepas pilihanraya umum.

Saya amat berasa hampa bahawa dalam Belanjawan tahun 1986 Yang Berhormat Menteri Kewangan tidak menyentuh langsung tentang rancangan ini berkenaan meninggikan ekonomi kampung-kampung baru, tidak ada apa-apa peruntukan khas untuk membawa 1.5 juta penduduk-penduduk kampung-kampung baru ke dalam aliran utama pembangunan sosio ekonomi Malaysia.

Dalam tahun 1971, Parti DAP telah menggesa diadakan satu rancangan baru bagi kampung-kampung baru, yang telah terabai dalam pembangunan sosio ekonomi sejak penubuhan kampung-kampung baru pada awal tahun 1950an. Parti DAP juga telah meminta penubuhan satu Kementerian Kampung-kampung Baru serta penggabalan satu pelan induk untuk membangunkan kampung-kampung baru.

Akibat tekanan DAP, suatu Kementerian Kampung Baru telah diwujudkan tetapi apabila dikaji kembali, adalah jelas bahawa selain daripada individu-individu yang telah menjadi Menteri Kampung-kampung Baru, seperti Dr Lim Kheng Yaik, kini Presiden GERAKAN, Datuk Lee San

Choon, Datuk Michael Chen, Yang Berhormat dari Beruas, dan Datuk Dr Neo Yee Pan, Yang Berhormat dari Muar, penduduk-penduduk kampung-kampung baru ini tidak berapa banyak menerima manfaat-manfaat kebendaan dahpanya.

Kita menggesa penubuhan semula satu Kementerian Kampung-kampung Baru dengan peruntukan tahunan sebanyak kira-kira \$300 juta sekurang-kurangnya bagi meningkatkan keadaan-keadaan sosio ekonominya. Ini termasuk perancangan satu strategi untuk memperluaskan sempadan kampung-kampung baru supaya melangkah dengan pertambahan bilangan penduduk-penduduk seramai 2 atau 3 kali.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan membuat lawatan rasmi ke Negeri China pada bulan hadapan. Kini 11 tahun telah lalu semenjak Allahyarham Tun Razak menubuhkan perhubungan diplomatik dengan Negeri China, serta lawatan Allahyarham itu. Perhubungan antara Malaysia dan Negeri China patut dinormaiisekan sepenuhnya, dan saya berharap bahawa lawatan Perdana Menteri ke Negeri China akan membolehkan perkembangan ini. Segala sekatan perjalanan ke China patut dimansuhkan, dan keperluan AP kerana mengimport barangan dari Negeri China dibatalkan.

Pengharaman rakyat Malaysia dari melawat Negeri China kecuali kategori-kategori terlentu adalah berdasarkan tanggapan salah yang mencaci komuniti Cina Malaysia, dengan mempersoalkan kesetiaan mereka kepada Malaysia. Saya percaya bahawa jika rakyat Cina Malaysia dibenarkan melawat Negeri China dengan bebasnya, mereka akan mengukuhkan pendirian mereka sebagai rakyat Malaysia, oleh sebab perbezaan serta ketidakseimbangan luas antara kedua-dua sistem politik serta sosio ekonomi.

Berhubung dengan ini, kumpulan Parlimen DAP telah memohon kepada Kerajaan supaya membenarkan lawatan rombongan Parlimen DAP ke Negeri China. Kami masih menunggu jawapan Kerajaan. Ahli-ahli Parlimen adalah wakil-wakil terpilih dan memegang amanah rakyat mewakilkan mereka dalam proses perundangan, serta menentukan masa depan negara. Jika Ahli-ahli Parlimen dilarang melawat negara China manakala ahli-ahli perniagaan serta perdagangan dibenarkan berbuat demikian, ia menunjukkan suatu tanggapan keutamaan yang amat berat sebelah. Saya berharap perkara ini akan diperlihatkan daripada sudut pandangan nasional, dan bukan parti politik.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, pada minggu lepas, Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan dalam jawapan beliau kepada Ahli Parlimen daripada Bandar Kuching telah mengatakan bahawa Laporan Jawatankuasa Siasatan BMF Ahmad Noordin akan diumumkan, jika ia tidak melanggar seksyen-seksyen rahsia Akta Bank. Berasaskan ini, besar kemungkinan segala Laporan Siasatan ini boleh ditekan (suppressed) atas alasan melanggar Akta Bank.

Saya tidak pasti sama ada Kerajaan akan mengguriakan Akta Bank untuk memungkir janji Perdana Menteri apabila Jawatankuasa ini ditubuhkan dahulu, bahawa laporan tersebut akan diumumkan kepada orang ramai. Rakyat telah begitu lama menunggu dengan kurang sabar Laporan Jawatankuasa Ahmad Noordin kes ke dalam skandal BMF \$2.5 billion itu. Jawatankuasa Siasatan pula telah mengatakan bahawa laporan akhirnya akan siap menjelang bulan September tahun ini, tetapi bulan ini telah lalu tanpa kemunculan laporan itu.

Rakyat berhak mengetahui bilakah Jawatankuasa Siasatan Ahmad

Noordin akan menyempurnakan laporan akhir atau bahagian pertama akhirnya, dan mengemukakan kepada Kerajaan. Ataupun, adakah Laporan Siasatan BMF ini akan disembunyikan atau ditahan disuppressed sehingga selesainya Pilihanraya Umum yang akan datang.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Lambir.

4.37 *ptg.*

**Dr George Chan Hong Nam (Lambir);** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan Belanjawan Persekutuan serta Rang Undang-undang Perbekalan 1986 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 25hb Oktober, 1985.

Tuan Yang di-Pertua, memandang kemerosotan ekonomi yang masih berterusan serta masalah-masalah ekonomi kompleks yang kita sedang menghadapi, nescayanya bukanlah satu tugas yang mudah bagi Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk menyediakan satu belanjawan yang seimbangan bagi tahun yang akan datang.

Pada pendapat saya, kita mempunyai pilihan yang amat sukar bagi ekonomi kita. Ada ahli-ahli ekonomi yang menyatakan bahawa masalah yang lebih kritikal ialah masalah untuk menggalakkan pertumbuhan yang berkesan—satu tugas yang boleh dikatakan lebih sukar dalam beberapa aspek jika dibandingkan dengan tahun lepas.

Setelah mengkaji dan menganalisis Belanjawan 1986, saya memperhatikan bahawa belanjawan kita akan terpaksa memenuhi dua keperluan yang mustahak: pertamanya keperluan untuk mengurangkan defisit akaun semasa dan fiskal untuk menentukan kestabilan kewangan negara, dan keduanya, keperluan

untuk mencari satu alternatif jentera pertumbuhan atau "engine of growth", suatu tugas yang telah bertambah perlu dan pentingnya. Dalam belanjawan tahun lepas, adalah dijangkakan bahawa berbagai insentif fiskal dan cukai akan menjadikan sektor swasta sebagai jentera pertumbuhan negara. Tetapi, prestasi sektor swasta rupanya tidak begitu menggalakkan dan keadaan ini adalah disahkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan apabila beliau berkata dalam Persidangan Pertumbuhan Ekonomi Penang baru-baru ini, dengan izin:

"We have done all that we can (for the private sector) in the hope that the private sector will seize the new opportunities that will arise. But judging from the response so far, I am so disappointed that I have begun to wonder if the private sector in this country is really more efficient and aggressive than the public sector".

Tuan Yang di-Pertua, soal pokoknya ialah mengapa keadaan sedemikian timbul atau mengapakah berbagai insentif cukai dan kewangan rupanya tidak berjaya mencapai tujuan-tujuan yang dirancangan? Di peringkat makro mungkin salah satu sebabnya ialah suasana ekonomi antarabangsa yang kurang memuaskan, seperti kemerosotan perdagangan sedunia, semakin meningkatnya amalan perlindungan di negara-negara perindustrian, misalnya tindakan Amerika Syarikat dan Jepun. Bagi satu ekonomi yang sedang membangun seperti ekonomi kita prestasi perdagangan sedunia adalah satu unsur utama dalam menentukan prospek-prospek pertumbuhan.

Oleh hal yang demikian, ingin saya bertanya, apakah tindakan-tindakan yang telah diambil untuk mendapatkan syarat-syarat yang lebih memuaskan daripada rakan-rakan perdagangan kita? Kita cuba mengambil "partner" perdagangan utama kita, iaitu negeri

Jepun yang Malaysia mempunyai lebih 20% jumlah perdagangan dengannya. Import kita dari Negeri Jepun semakin bertambah setiap tahun tetapi eksport ke Jepun rupanya telah menurun beberapa tahun baru-baru ini. Kebanyakan eksport negara kita, khasnya barangan proses dan pembuatan bukan sahaja menghadapi tariff yang tinggi tetapi juga tertakluk kepada kuota dan prosedur-prosedur import yang kompleks dan panjang yang menghalang kemasukannya ke pasaran Jepun.

Misalnya, nenas yang ditinkan adalah tertakluk dengan duti import sebanyak 38%, tambahan pula kuota terhadap Plywood adalah tertakluk kepada duti tariff di antara 17% hingga 20% bahkan kayu balak dikenakan duti import sebanyak 5%.

Industri kayu balak tahun ini telah mengalami kemerosotan harga yang teruk kerana tindak-tanduk manouvres atas harga-harga kayu batak negara kita. Kejatuhan harga kayu balak yang teruk telah mengakibatkan kerugian besar kepada beberapa buah syarikat dan ada yang terpaksa menjadi bankrupt dan ramai pekerja-pekerja diberhentikan kerja. Memandangkan ketidakseimbangan perdagangan dan berbagai halangan-halangan perdagangan yang negara kita sedang menghadapi, ingin saya mencadangkan bahawa supaya satu rombongan perdagangan berkuasa tinggi (a high powered trade mission) dihantar ke negeri Jepun dan lain-lain "trading partner" besar kita untuk mengadakan rundingan supaya mendapat syarat-syarat perdagangan yang lebih adil dan berpatutan atas eksport untuk mengurangkan ketidak seimbangan perdagangan yang sedang wujud. Usaha-usaha harus juga dibuat untuk mencari pasaran-pasaran baru di pasaran "non-traditional" serta membesarkan pasaran di wilayah Asia Barat dan negeri China.

Tuan Yang di-Pertua, di peringkat mikro, mungkin kita ingin mengemukakan soalan seperti berikut:

- (a) Adakah insentif-insentif cukai dan kewangan yang diberikan cukup menarik bagi sektor swasta kita yang bertumbuh dan berkembang?
- (b) Apakah terdapat halangan-halangan dalam pelaksanaan insentif-insentif tersebut oleh pihak berkuasa yang berkenaan, misalnya "red-tape" dan lain-lain kawalan birokratif?
- (c) Adakah dasar tersebut mempunyai kelemahan-kelemahan (loopholes)?

Jika jawapan-jawapan pada amnya adalah ya, jadi apakah tindakan-tindakan pembedaan yang harus diambil dalam Belanjawan 1986.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya di sini merujuk kepada ucapan Belanjawan Yang.Berhormat Menteri Kewangan. Adalah sangat menggalakkan untuk memperhatikan bahawa beberapa insentif cukai dan fiscal baru telah pun ditambah untuk mempergiatkan lagi sektor swasta tertentu, khususnya industri pelancongan, sektor pertanian dan perindustrian. Suka saya memberi penerangan dan cadangan saya berhubung dengan bberapa perkara yang dibentangkan dalam ucapan belanjawan Yang Berhormat Menteri Kewangan seperti berikut:

(a) *Duti lada eksport.*

Pada pandangan saya kadar pengurangan duti eksport atas lada adalah terlalu kecil dan tidak akan mendatangkan kesan yang memadai untuk menggalakkan lebih ramai petani-petani menanam lada. Penanaman lada adalah "labour intensive" dan melibatkan kos yang agak tinggi, oleh kerana ia juga mudah diserang oleh penyakit seperti foot-rot

disease. Memandangkan Negeri Sarawak adalah pengeluar lada yang terbesar dalam negara ini dan kebanyakan kebun lada terletak di kawasan pedalaman di mana kos pengangkutan dan sebagainya adalah tinggi, maka saya ingin merayu supaya duti eksport lada dikurangkan dengan kadar yang lebih berkesan lagi supaya dapat meningkatkan lagi jumlah pengeluarannya.

Lada adalah satu commodity yang semakin penting untuk mendapat wang pertukaran asing (foreign exchange earnings). Ingin saya mengesyorkan bahawa duti eksport yang kena dibayar harus berdasarkan satu kadar purata flat rate sebanyak 5% dan bukannya kadar secara meningkat dari 5% sehingga maksima 30%.

(b) *Rumah kos rendah.*

Selain dripada berbagai langkah yang telah digariskan untuk memudahkan golongan berpendapatan rendah di perkhidmatan Kerajaan memperolehi rumah kos rendah, ingin saya mencadangkan bahawa faedah yang dikenakan atas pinjaman perumahan haruslah dikecualikan daripada bayaran cukai pendapatan. Pengecualian cukai ini adalah juga boleh membantu golongan pendapatan rendah dan penengahan untuk memperolehi rumah masing-masing.

(c) *Pengecualian cukai atas keuntungan yang diperolehi dari luar negeri.*

Saya menyokong syor atas pengecualian cukai yang diberi kepada keuntungan yang diperolehi dari luar negeri. Dengan cara ini ia akan menambah modal tempatan kita dan berikutnya juga kadar pelaburan dalam negaraini. Rakyat Malaysia yang sedang tinggal di luar negeri haruslah juga digalakkan untuk menghantar wang mereka untuk simpanan di

Malaysia. Ini boleh merupakan simpanan baharu di bank-bank yang boleh dikenali sebagai "non-resident deposit" dan diberi faedah yang tinggi sedikit. Akaun-akaun wang asing (foreign currency accounts) haruslah juga dibenarkan bagi kemudahan mereka yang sedang bermastautin di luar negeri atau non-resident.

(d) *Langkah-langkah cukai dan fiscal.*

Tuan Yang di-Pertua, soalan pertumbuhan ekonomi ada hubungan rapat dengan modal (capital) dan pelaburan. Modal adalah perlu untuk pclaburan dan salah satu cara untuk mendapat modal adalah melalui penyimpanan (savings). Selain daripada insentif cukai dan fiscal sepertimana yang digariskan dalam ucapan Belanjawan Yang Berhormat Menteri Kewangan, saya ingin mencadangkan bahawa:

- (a) untuk menggalakkan simpanan supaya meningkatkan lagi modal domestic, semua bunga wang daripada simpanan di bank dikecualikan daripada bayaran cukai pendapatan;
- (b) bank-bank haruslah membayar penyimpan-penyimpan atau depositors bunga wang atas akaun-akaun simpanan dan semasa mengikut kiraan sehari-hari;
- (c) amaun premium insurans nyawa dibenarkan mendapat pengecualian cukai pendapatan ditingkatkan ke \$7,000;
- (d) pengecualian cukai diberi kepada seseorang atas perbelanjaan berhubung dengan pelajarannya dengan bertujuan meningkatkan pendapatannya yang akan datang;
- (e) kadar cukai yang lebih rendah bagi bayaran overtime untuk membantu golongan berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan perindustrian adalah satu lagi faktor yang penting yang boleh mempercepatkan pertumbuhan ekonomi. Usaha-usaha yang lebih giat hendaklah diadakan untuk memperluas dan mempelbagaikan atau diversified atas sektor pembuatan atau manufacturing base supaya menghasilkan nilai ditambah yang tinggi dan menambah pendapatan tukaran wang asing menerusi pembangunan industri-industri berdasarkan sumber pertanian dan sumber alam lain yang diberi ini mempunyai faedah perbandingan atau comparative advantage. Usaha-usaha hendaklah juga dibuat untuk menubuhkan industri-industri berat dengan tujuan mengurangkan penggantungan kepada negara asing dari segi bekalan alat jentera dan input penghantaran, mewujudkan kesan simpanan bagi pertumbuhan industri kecil dan sederhana serta meningkatkan keupayaan teknologi dalam sektor pembuatan. Kemajuan atas pembangunan perindustrian di antara lain bergantung kepada kerjasama penyelidikan dan pembangunan dalam bidang tersebut. Pada ketika ini kita adalah terlalu bergantung kepada teknologi dan maklumat penyelidikan asing oleh kerana penyelidikan tempatan sangat-sangat berkurangan.

Saya berpendapat bahawa masanya telah tiba untuk kita menubuhkan satu Tabung Penyelidikan Perindustrian Kebangsaan. Caruman kepada tabung tersebut haruslah datangnya daripada Kerajaan dan perbadanan peniagaan, termasuk multi-national corporation. Badan-badan persyarikatan harus diminta mencarum satu peratus kecil keuntungan mereka kepada tabung tersebut dan caruman ini haruslah dikecualikan daripada cukai persyarikatan. Dengan langkah tersebut kita akan benar-benar menaruh kepentingan atas peranannya penyelidikan bagi pembangunan ekonomi akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha kita untuk menggalakkan perindustrian, kita juga mesti memberi kepentingan sama ada pertumbuhan industri-industri kecil kerana ia adalah latar belakang industri-industri berat. Industri-industri kecil memainkan peranan yang berguna dalam pembekalan perkhidmatan dan komponen-komponen atau bahagian-bahagian pengganti kepada lain-lain kilang dan perbadanan perniagaan. Dengan menitikberatkan industri-industri berat, sektor industri kecil akan memainkan peranan yang lebih besar pada tahun-tahun yang akan datang untuk mengadakan pertumbuhan perindustrian yang seimbang dengan negara.

Satu lagi faedah untuk menggalakkan pertumbuhan industri-industri kecil adalah bahawa kita lebih mudah menyebarkan dari pusat bandar ke kawasan yang kurang maju jika dibandingkan dengan industri-industri berat yang mempunyai kecenderungan untuk berkelompok di kawasan-kawasan bandar. Mengikut pengalaman di negeri Taiwan, pembangunan industri-industri kecil adalah juga selaras dengan pembangunan perindustrian luar bandar atau rural industrialisation. Jika kita boleh menggunakan pengalaman ini, maka pertumbuhan industri-industri kecil adalah salah satunya cara untuk memajukan kawasan luar bandar dan melalui proses ini pusat-pusat pertumbuhan perindustrian baru akan juga ditumbuhkan. Pertumbuhan industri-industri kecil di kawasan luar bandar akan juga mengurangkan masalah penghijrahan dari luar bandar ke pusat-pusat bandar.

Masalah setingan, kesesakan lalulintas dan keterlauan perbandaran atau over urbanisation di bandar-bandar besar di negara kita. Masalah-masalah tersebut adalah disebabkan di antara lain faktor-faktor "tolak dan tarik" atau "push-pull factors", iaitu

kekurangan peluang pekerjaan di kawasan luar bandar yang menolak penduduk tersebut berhijrah ke bandar dan sebaliknya serupa wujudnya peluang ekonomi yang lebih cerah menarik mereka. Kini industri-industri kecil pada amnya rupanya masih kurang teratur dan pengusaha-pengusaha sebahagian besarnya tidak tahu dari mana mereka boleh meminta bantuan. Tambahan pula, sistem insentif yang ada sekarang rupanya adalah berat sebelah atau lebih cenderung di atas industri-industri berat. Misalnya pioneer status, sistem tarif dan sebagainya hanya membantu industri berat. Peningkatan dan pemodenan industri-industri kecil tentulah bukannya satu tugas yang senang memandangkan bilangannya yang besar, penyebarannya yang meluas, kegiatan-kegiatannya yang berbeza dan berbagai keperluannya.

Tuan Yang di-Pertua, di Korea Selatan, Jepun dan Taiwan mereka mempunyai agensi yang diberi kuasa tinggi untuk menyelaras dan membantu industri-industri kecil. Agensi berkenaan juga memberi banyak sokongan, misalnya memberi tanah perindustrian yang murah dan bantuan kewangan. Di negara kita sekarang walaupun Kerajaan mempunyai beberapa agensi untuk memberi bantuan kepada industri-industri kecil tetapi usaha ini rupanya tidak berapa berkesan pada keseluruhannya. Oleh yang demikian, ingin saya bercadang bahawa sebuah, dengan izin, "one stop central authority" ditubuhkan untuk mendorong pertumbuhan industri-industri kecil serta menyediakan bantuan teknikal dan kewangan, termasuk kemudahan-kemudahan latihan dan pemasaran.

Tuan Yang di-Pertua, meningkat daya pengeluaran dan kecekapan di sektor awam akan juga memainkan peranan yang penting untuk meningkatkan lagi kadar

pertumbuhan, sama ada sektor awam kita cckap atau tidak adalah ditunjukkan oleh prestasi berbagai Jabatan dan Badan-badan Berkanun atau Off-Budget Agencies. Maka adalah mustahak bahawa satu kajian dibuat untuk meneliti kembali sistem-sistem kerja dan prosedur di pelbagai agensi Kerajaan dengan tujuan untuk meningkatkan lagi produktiviti dan kecekapan mereka.

Ingin saya bercadang di sini bahawa satu pasukan petugas ditubuhkan di Jabatan Perdana Menteri untuk menjalankan kajian tersebut. Pasukan Petugas tersebut hendaklah mencari jalan dan cara bagaimana red-tape dapat dikurangkan, menghapuskan penduaan atau duplication fungsi-fungsi di antara agensi-agensi, menggariskan fungsi dan tanggungjawab agensi-agensi Kerajaan berkenaan dengan sejelas-jelasnya. Ia hendaklah juga mencari cara-cara bagaimana kuasa-kuasa Jabatan-jabatan Persekutuan di ibu pejabat dapat dipelbagaikan atau di "centralise" supaya pejabat-pejabatnya di peringkat Negeri dapat membuat keputusan tertentu tanpa merujuk kepada ibu pejabat mereka di Kuala Lumpur. Dengan cara demikian ia akan membolehkan Jabatan-jabatan Persekutuan di peringkat negeri untuk merapatkan lagi perhubungan mereka dengan penduduk tempatan dan masalah-masalah kecil bolehlah diselesaikan di hadapan pegawai berkenaan tanpa surat-menyurat yang panjang lebar dan ini boleh menjimatkan kedua masa dan wang.

Bagi pegawai-pegawai Persekutuan dari Semenanjung Malaysia yang dipindahkan ke Sarawak atau Sabah, mereka dibayar elaun insentif \$500 setiap bulan dan selain daripada itu mereka juga diberi elaun wilayah. Tetapi pegawai-pegawai Sarawak yang dipindahkan ke Semenanjung Malaysia tidak dibayar elaun insentif. Perbezaan seperti ini akan

menimbulkan perasaan tidak puas hati di antara pegawai-pegawai tempatan dan Persekutuan.

Saya ingin menggesa Kerajaan kita untuk meneliti kemungkinannya menempatkan pegawai-pegawai tempatan di mana yang ada dan berkelayakan untuk mengetuai Jabatan-jabatan berkenaan. Ini akan juga mengurangkan perbelanjaan Kerajaan.

Jika red tape berterusan atau rupanya meningkat dan terdapat berbagai peraturan yang cumbersome, berbagai-bagai borang untuk diisi dan formality dipatuhi, saya berpendapat pelabur-pelabur tidak akan tertarik untuk melaburkan di negara ini. Untuk seorang peniaga, masa adalah wang, khasnya jika dia dikehendaki membayar 15% bunga wang yang dikira setiap hari bagi pinjamannya atau overdrafts. Satu masalah besar ialah terdapat kes-kes tertentu di mana peraturan-peraturan Kerajaan adalah terlalu banyak yang akan menunggu kelicinan edaran pasaran (market forces). Jikalau seorang pelabur terpaksa menunggu setahun atau lebih dan tidak dapat tahu keputusan permohonannya sudah tentu akan hilang minatnya dan akan pergi ke tempat lain untuk melabur.

Tuan Yang di-Pertua, kemudahan-kemudahan pengangkutan dan perhubungan memainkan peranan penting dalam pembangunan sosio ekonomi negara. Kemudahan-kemudahan ini menjadi asas dan memudahkan proses pembangunan sektor-sektor utama dan kawasan-kawasan yang kurang maju. Di negeri Sarawak dan Sabah pengangkutan dengan kapal terbang, kapal dan kenderaan menghadapi kos yang tinggi. Ini adalah salah satu faktor yang menyebabkan kos hidupan yang tinggi di kedua-dua negeri tersebut.

Kedudukan geographynya bagi Sarawak dan Sabah telah memaksa

penduduk di kedua negeri untuk menggunakan pengangkutan udara dan laut untuk mengangkut barangan mereka ke/dan dari Semenanjung Malaysia. Mereka tidak ada alternatif lain tetapi faktor ini tidak seharusnya menjadi satu alasan dikenakan bayaran udara dan laut yang tinggi.

Berhubung dengan kos pengangkutan darat di negeri Sarawak, ia adalah tertinggi dalam negara ini kerana keadaan buruk kebanyakan jalan-jalan di negeri tersebut. Jalan-jalan bertar di luar bandar memang hampir tidak ada langsung. Kebanyakan jalan tidak boleh dilalui kenderaan pada musim hujan lebat. Sebagai satu langkah untuk menurunkan kos pengangkutan darat di Sarawak, adalah perlu bahawa peruntukan-peruntukan bagi maksud memperbaiki dan menambah kemudahan-kemudahan pengangkutan dan perhubungan, khasnya bagi pembinaan dan memperbaiki jalan-jalan luar bandar ditambah dengan sewajarnya.

Mengenai bayaran pengangkutan laut, saya ingin merayu kepada pihak yang berkenaan untuk mengurangkan bayarannya di antara Sarawak, Sabah dan Semenanjung Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya di sini menyentuh sedikit tentang keperluan pelajaran di negeri Sarawak dan keperluannya menambah peruntukan-peruntukan bagi maksud pembinaan sekolah-sekolah dan lain-lain kemudahan pelajaran. Berbanding dengan lain-lain negeri di Semenanjung Malaysia, negeri Sarawak masih jauh ketinggalan dari segi kemudahan-kemudahan pelajaran dan kekurangan guru-guru terlatih. Kini masih terdapat kekurangan sekolah-sekolah rendah dan menengah.

Di Semenanjung Malaysia pelajar-pelajar di sekolah menengah telah pun mula menubuhkan kelab-kelab

komputer di sekolah mereka dan berbincang tentang pelajaran komputer, pelajar-pelajar di negeri Sarawak dan Sabah kadangkala menunggu berbulan-bulan untuk kedatangan guru-guru baru untuk mengajar mereka. Apabila guru-guru baru datang mereka merasa kecewa (frustrated) kerana kekurangan kemudahan-kemudahan pengajaran.

Saya berharap bahawa Menteri Pelajaran akan menghantar satu pasukan pegawai kanan dari Kementerian beliau untuk mengkaji keperluan pelajaran negeri Sarawak dan mempertimbangkan satu peruntukan yang lebih besar bagi pembinaan sekolah-sekolah, tempat penginapan guru dan lain-lain kemudahan.

Di sini masalah tersebut ialah masalah frustasi yang meningkat yang dihadapi oleh segolongan guru-guru terlatih yang telah berkhidmat tiga tahun ke atas dan perkhidmatan mereka masih belum disahkan, bukan kerana prestasi pengajaran mereka tetapi hanya kerana alasan-alasan teknikal iaitu kegagalan mendapat kelulusan dalam Bahasa Malaysia peringkat SPM dengan kepujian. Gajigaji mereka telah pun tergantung selepas tahun ketiga.

Sebenarnya, pada ketika mereka dilantik, keperluan ialah kredit dalam SRP Bahasa Malaysia. Tetapi keperluan ini ditukar kepada lulus dengan kepujian di peringkat SPM pada 1hb September, 1983 dan semua guru yang belum disahkan termasuk mereka yang dilantik di bawah skim perkhidmatan lama terpaksa mematuhi keperluan tersebut. Bagi mereka yang dilantik di bawah skim perkhidmatan lama yang syarat pengesahannya ialah memperolehi kepujian di peringkat SRP Bahasa Malaysia, syarat baru tersebut rupanya telah bertentangan dengan syarat-syarat semasa ditawarkan perlantikan.

Jikalau syarat baru tersebut terpaksa dikuatkuasakan, saya khuatir sebilangan besar daripada guru-guru berkenaan akan terpaksa diberhentikan perkhidmatan. Keadaan ini . . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sila duduk sebentar. Yang Berhormat, saya ingin bertanya tidakkah lebih sesuai sekiranya perkara yang baru Yang Berhormat ucapkan tadi diperbahaskan di peringkat Jawatankuasa bila mana kita tembahaskan kepala peruntukan mengenai Kementerian Pelajaran kerana saya fikir lebih sesuai kita tumpukan perhatian kita di dalam membahaskan Dasar-dasar Am dan strategi Belanjawan Kerajaan di peringkat ini. Sila teruskan Yang Berhormat.

**Dr George Chan Hong Nam:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya juga mengambil kesempatan ini untuk merujuk kepada beberapa peruntukan bagi Negeri Sarawak. Terlebih dahulu, saya ingin menyentuh tentang bekalan elektrik luar bandar bagi tahun yang akan datang. Adatah diperhatikan bahawa satu peruntukan berjumlah \$30 juta bagi tahun 1986 telah pun dibuat bagi maksud yang saya sebutkan tadi.

Sehubungan dengan ini, ingin saya mengambil kesempatan ini untuk menyentuh sedikit tentang bekalan elektrik bagi Batu Niah, sebuah pekan kecil di Bahagian Keempat di Sarawak. Pekan kecil Batu Niah adalah sebuah tempat pelancongan, di mana terletak Gua Niah yang termasyhur. Setakat ini masih belum ada bekalan elektrik ke pekan kecil ini yang terletak di luar bandar. Sebenarnya satu peruntukan telah pun diadakan beberapa tahun dahulu tetapi matangnya oleh sebab-sebab tertentu, projek tersebut tidak dilaksanakan.

Selaras dengan objektif Kerajaan untuk menggalakkan pelancongan, ingin saya merayu kepada pihak yang berkenaan untuk memberi keutamaan istimewa bagi pelaksanaan projek bekalan elektrik ke pekan kecil Batu Niah dan kawasan sekelilingnya termasuk sebuah pekan kecil lagi yang berdekatan, bernama sepupuk pada tahun yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan saya atas Belanjawan 1985 saya telah menjelaskan keperluan pembinaan lapangan terbang baru bagi Sibu, Bintulu dan Limbang dan juga memperbaiki landasan kapal terbang di luar bandar.

Dukacita diperhatikan bahawa dalam Belanjawan 1986, tidak ada peruntukan langsung bagi ketiga-tiga lapangan terbang tersebut. Dalam Belanjawan 1985, satu token provision berjumlah \$10 telah pun dibuat tetapi pada tahun yang akan datang peruntukan token itu telah pun juga dibatalkan. Adakah ini bermakna bahawa projek-projek tersebut akan dibatalkan? Jika ya, apakah alasan-alasannya?

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 1986 ada juga menggariskan insentif-insentif yang akan diberi kepada sektor pertanian dan penambahan peruntukan bagi beberapa bidang tertentu.

Sukacita saya memperhatikan bahawa satu peruntukan berjumlah 3.4 juta ringgit telah pun adakan bagi skim lada di Sarawak, satu pertambahan sebanyak 1.5 juta ringgit jika dibandingkan dengan tahun ini. Adalah diharapkan dengan ikhlasnya bahawa Kementerian Pertanian Persekutuan akan mencari cara-caranya untuk menggalakkan penanaman lada secara besar-besaran, khasnya di negeri Sarawak. Lada adalah satu tagi komoditi yang mempunyai potensi baik untuk mendapat pertukaran wang asing bagi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang berjaya menggubalkan satu Belanjawan yang pragmatik memandangkan keadaan kemelesetan ekonomi yang kita sedang hadapi. Dengan sukacitanya saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan, 1986. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Labuk Sugut.

*5.15ptg.*

**Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong (Labuk Sugut):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian membahaskan Belanjawan yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada hari Jumaat, 25hb Oktober, 1985. Dan dengan kesempatan ini juga saya ingin mengutarakan beberapa persoalan yang kerap kali diperbincangkan oleh para tax payers, rakyat Malaysia di Sabah.

Pada hemat saya, Belanjawan tahun 1986 ini amat menarik sekali dan tepat pada waktunya. Ini terutamanya jika dilihat, dipandang, dari dua sudut iaitu dalam keadaan ekonomi meteset begini satu dorongan untuk menggerakkan ekonomi membangun semula perlu diadakan, dan juga Belanjawan ini menitikberatkan soal-soal berjimat cermat yang saya rasa amat menarik juga diadakan dalam keadaan seumpama ini.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi perkara-perkara yang telah menarik perhatian rakyat, terutamanya taksiran income tax, dengan izin, yang berasingan dari seorang isteri, amnesty yang dikenakan kepada wang yang dimiliki oleh rakyat Malaysia dari luar dan sebagainya. Kesemuanya ini telah menarik perhatian orang ramai.

Pada hemat saya, mereka menerima baik Belanjawan ini dan untuk itu saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah dan syabas kepada Menteri Kewangan kita dan Kerajaan Malaysia yang telah mengutarakan satu Belanjawan yang realistik.

Peruntukan untuk keselamatan dalam negeri dan pertahanan, saya perhatikan dalam Belanjawan ini, telah juga diberikan satu penumpuan yang khusus dan memuaskan sekali. Ini amatlah penting bahawasanya jika kita lihat keselamatan dalam negeri dan pertahanan ini merupakan satu perkara yang begitu penting sekali bagi survival bangsa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak 50'an di kawasan pantai Sabah daripada Tawau sehingga ke Kudat kerap kali dilanda oleh masalah-masalah lanun dan adakalanya peristiwa-peristiwa ini mengejutkan dan menggegarkan negara kita. Walaupun barangkali mungkin tidak begitu menarik kepada saudara-saudara kita di Semenanjung, tetapi bagi kami di Sabah peristiwa-peristiwa yang berlaku semenjak tahun 50'an amat menarik perhatian kami. Sebagai contoh, pada tahun 1985, pekan Semporna telah dilanda lanun sehingga beberapa minit dapat dikuasai oleh lanun, banyak nyawa telah terkorban dalam kejadian ini sehingga satu tugu peringatan telah didirikan oleh penduduk-penduduk Semporna. Itu cuma pada tahun 1954. Pada tahun 1979, kalau saya tidak silap, peristiwa "Saleha Baru" sekali lagi hampir-hampir menjejaskan hubungan diplomatik Malaysia dengan Filipina dan dalam peristiwa itu juga sekati lagi rakyat Sabah di kawasan pantai yang berkenaan banyak yang hilang.

Dan pada akhir sekali, pada bulan September tahun ini kejadian berlaku di Lahat Datu bila mana hanya 20

orang sahaja pegganas dapat hampir-hampir menawan beberapa ketika bandar Lahat Datu. Kesemuanya ini mungkin tidak dapat dilihat, tidak dapat diapresiasi, dengan izin, oleh saudara-saudara kita di Semenanjung, tetapi bagi kami di Sabah peristiwa seumpama ini dapat memberikan satu perkara yang tidak begitu baik kepada kami. Mengapa seharusnya perkara seumpama ini berlaku? Adakah ini bererti kita sudah tidak mampu mengawal Wilayah kita atau adakah kejadian ini didorong oleh anasir-anasir luar, mungkin barangkali untuk memaksa negara kita mengadakan Perjanjian Sempadan Bersama?

Semuanya ini saya tidak boleh jawab, tetapi apa yang penting di sini ialah kesan yang timbul daripada kejadian-kejadian seumpama ini. Penduduk-penduduk tempatan di kawasan yang terlibat Tuan Yang di-Pertua, seakan-akan hilang kepercayaan mereka terhadap kemampuan kita menjaga keselamatan mereka, sampai ada desas-desus di antara nelayan-nelayan di kawasan pantai Sandakan, Sabah sudah berani membayar protection money kepada pegganas-pegganas asing ini, mengapa demikian? Barangkali sudah hilang kepercayaan. Kejadian yang berlaku di Lahat Datu itu juga mungkin tidak diterima baik oleh pelabur-pelabur asing kerana pada pendapat mereka nyawa dan harta mereka tidak lagi selamat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memperturunkan beberapa syor di sini, mudah-mudahan dapat diberi pertimbangan oleh pihak-pihak berwajib di peringkat Persekutuan:

- (i) Bilangan anggota Polis biasa, Polis Marin, Pasukan Polis Hutan harus ditambah di Sabah dan semua jawatan-jawatan kosong dalam Polis di Sabah mesti diisi dengan segera.
- (ii) Semua Pasukan Polis dan askar yang bertugas di Sabah harus diberi arahan supaya mereka tidak mengangap bertugas di Sabah sebagai satu holiday trip, mungkin barangkali pada pendapat mereka tidak ada komunis di sana relax sedikit.
- (iii) Lebuhraya menghubungkan Pantai Barat dengan Pantai Timur di Sabah mesti dibina dengan segera untuk memudahkan pergerakan Pasukan Polis dan tentera dalam keadaan darurat.
- (iv) Kita mesti menempatkan Pasukan Polis Hutan atau tentera di kawasan-kawasan yang kerap kali dilanda lanun atau tempat-tempat strategik di kawasan pantai dan kita ambil contoh di Sandakan. Kita lihat daripada sejarah kawasan Pulau Jambongan dan satu tempat Pulau di Tambisan yang kerap kali dilanda oleh lanun dan seharusnya kita tempatkan secara permanent, dengan izin, sekumpulan Polis Hutan atau tentera kita di sana untuk memberi kepercayaan kepada orang-orang tempatan. Dan yang paling penting sekali jika kita menempatkan Polis-polis ini dan askar di kawasan-kawasan tertentu, mereka mempunyai bot-bot laju. Pada masa ini ada juga tempat-tempat yang mempunyai Polis, tetapi raereka tidak ada bot laju, kalau mereka ingin berjalan dari satu tempat ke satu tempat kadang-kadang mereka pinjam bot orang kampung, tetapi kalau kita perhatikan lanun-lanun yang melanda Sabah ini bot yang mereka lakukan adakalanya Volvo yang boleh lari sampai 70 b.s.j., bagaimana 40 kuasa kuda boleh mengejar Volvo yang begitu deras larinya?

- (v) Penggunaan pam bot di Sabah mesti diharamkan kerana bot-bot ini kerap kali digunakan juga oleh para lanun untuk bergerak di perairan yang tohor.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian pihak berkuasa terhadap tempat-tempat di Sabah yang saya kira senang dilanda anasir-anasir jahat.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Bujang bin Haji Ulis):** Tuan Yang di-Pertua, mohon penjelasan! Apa ertinya pam bot?

Timbalan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat beri jalan?

**Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong:** Boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sila duduk dahulu. Sita Yang Berhormat.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Apa ertinya pam bot yang disebutkan tadi? Pam bot adakah bot yang dipam ataupun macam mana? Mohon penjelasan dari Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri minta penjelasan, apakah pam bot itu?

**Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong:** Pam bot ini mula-mulanya digunakan oleh pendatang-pendatang haram dari Filipina, di mana mereka menggunakan enjin pam (water pam) dan tems dipasang dalam bot-bot kecil yang senang diperbuat pasang kipas buat sendiri, susah sekali kita kejar kerana dia boleh bergerak bebas di kawasan-kawasan yang tohor, PZ dan PX kita memerlukan air sedalam 25 kaki kadangkala, ini 2 1/2 kaki dia boleh lari. Jadi susah sedikit. Ini terutamanya begitu luas digunakan di Semporna, Kudat, Lahad Datu dan Sandakan.

Saya ingin menarik perhatian juga kepada beberapa kawasan di Sabah yang saya kira terdedah sekali kepada anasir-anasir jahat dari luar terutamanya Sandakan, Kudat, Lahad Datu, Semporna dan Tawau. Dan saya juga mengetahui pantai daripada Tawau hingga Kudat ini hampir-hampir 500 batu jarak jauhnya dan amat sukar sekali dikawal. Dengan itu saya syorkan di sini supaya Kerajaan memperuntukkan helikopter atau kapal terbang kecil untuk mengawal kawasan-kawasan ini. Mungkin kos mengendalikan helikopter dan kapal terbang ini agak mahal, tetapi keselamatan adalah yang paling utama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menimbulkan di sini soal pendatang haram dan pelarian yang saya kira juga mempunyai kaitan rapat dengan keselamatan dan pertahanan kita.

Pada masa ini tidak ada seorang pun yang tahu berapa banyakkah pendatang haram ini sudah ada di Sabah, tidak ada sesiapa yang tahu cuma yang kita tahu ada bandar-bandar di Sabah seperti Semporna, pendatang haram sudah melebihi bilangan orang-orang tempatan, dan juga ramai orang berpendapat dalam tenipoh masa 10 tahun kebelakangan ini masalah yang timbul daripada pendatang haram ini telah mengakibatkan kejatuhan sekurang-kurangnya 2 Kerajaan Negeri, sebab itu saya rasa perkara ini penting untuk dibawa ke pengetahuan Parlimen ini supaya satu penyelesaian dapat kita temui di sini.

Pada hemat saya masalah yang paling merbahaya sekali yang timbul daripada pendatang haram ini ialah keselamatan. Walaupun barangkali pendatang haram telah mengakibatkan kehilangan kerja orang-orang tempatan, jenayah-jenayah kata mereka sudah meningkat, masalah-masalah setingan kata mereka sudah

timbul hasil daripada pendatang haram, tetapi yang paling utama sekali di sini ialah keselamatan, dan yang paling saya khawatiri, Tuan Yang di-Pertua, di sini ialah penyusupan sebagai pendatang haram ahli-ahli New People's Army daripada Filipina. New People's Army ini adalah pertubuhan berbau komunis dan sekarang ini pun sudah banyak berita-berita yang kita dengar mereka terlibat dalam perompakan bank-bank di Filipina, kononnya mereka terpaksa merompak bank ini untuk membiayai pergerakan gerilla. Apa yang saya khawatiri lagi mereka ini merompak dan mengganas bersedap dengan Sabah seperti di Pulau Pahlawan dan Mindanau. Dalam keadaan ini apakah tidak ada kemungkinan Ahli-ahli NPA dapat menyusup masuk Sabah sebagai pendatang haram dan bekerja sebagai pekerja biasa dan sebahagian daripada pendapatan mereka, mereka boleh kirim kepada pertubuhan induk mereka di Filipina. Apakah tidak dengan kecekapan mereka menggunakan senapan dan senjata ini mereka juga boleh merompak menggunakan kepandaian dan kebolehan mereka mengganas di kawasan kita? Apakah tidak semasa mereka juga herada di Sabah, mereka dapat menjalankan propaganda, dengan izin, mengconvert orang-orang kita menjadi komunis? Ini semua menjadi tanda tanya. Oleh itu saya katakan masalah seperti ini harus dibendung dalam keadaan masih awal.

Selain dahpada itu, pendatang haram juga telah menimbulkan masalah kesihatan kepada penduduk tempatan. Telah disahkan oleh doktor, wabak penyakit taun yang melanda Sabah daripada tahun 1983 hingga 1984, pembawa kumannya ialah hampir semua orang-orang pendatang haram yang menyusup masuk ke Sabah. Selain daripada itu, penyakit kusta. Semenjak 10 tahun kebelakangan ini hampir-hampir tidak

ada kelihatan orang-orang yang menghidapi penyakit kusta, tetapi di kalangan pendatang-pendatang haram ini sudah ada mundar-mandir di pekan-pekan seperti Sandakan membawa symptom-symptom kusta atau dengan izin, leprosy. Begitu juga penyakit malaria. Orang-orang di Sabah mengetahui malaria mengganas sekarang di Sabah ini, dan malaria yang paling bahaya sekali datang dari Pulau Pahlawan dari Filipina. Begitu juga penyakit AIDS. Seminggu yang lalu telah disahkan seorang meninggal di Pilipina akibat diserang penyakit AIDS. Apakah tidak ada di antara pendatang-pendatang haram ini juga menjadi carriers kepada AIDS ini?

Tuan Yang di-Pertua, tidak lama lagi mungkin kita akan membincangkan di Dewan ini berkenaan dengan kajian Rancangan Malaysia Kelima. Dan seperti rancangan-rancangan yang lain, tujuan utama Rancangan Malaysia ialah untuk memupuk integrasi dan perpaduan nasional yang tulin. Sebab itu kami rakyat Malaysia dari Sabah tidak ketinggalan ingin turut menjayakan cita-cita yang murni ini untuk menjalin satu integrasi nasional yang tulin. Sebab itu sebahagian besar rakyat dari Sabah menerima dengan ikhlas semua kepimpinan di peringkat Persekutuan. Kami hormat, cinta dan sayangkan kepada mereka semua yang ada. Kami menganggap mereka sebagai "bapa" kami, dalam ertikata untuk membangunkan negara Malaysia yang aman dan makmur. Untuk itu saya rasa imej "bapa" yang adil kepada anak-anak buah mereka yang terdiri 23 suku kaum di Sabah mesti dikekalkan. Ini bererti kalau ada di kalangan rakyat di Sabah merasa was-was terhdap sikap dan layanan yang tidak adil dan saksama daripada "bapa" mereka maka saya khawatir satu psikologi yang negatif mungkin timbul di kalangan mereka. Psikologi negatif seperti yang terdapat di kalangan orang-orang asli di Ausralia dan Red Indians di Amerika amat sukar diubahi.

Sebab itu Allah s.w.t. menjadi saksi, saya tidak ingin melihat corak prejudice seperti ini timbul di kalangan kita.

Kami rakyat Malaysia di Sabah akan tetap berdiri teguh di belakang Kerajaan "2M" dalam menghadapi segala cabaran untuk membentuk satu negara aman, makmur dan bersatu-padu. Dalam keadaan apa juga sekalipun, pendirian kami, insya Allah, adalah tulus ikhlas dan tetap tidak luntur.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli yang Berhormat dari Saratok.

5.35 *ptg.*

**Datuk Edmund Langgu Anak Saga (Saratok):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkanlah saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah menyampaikan satu Belanjawan yang adil dan menggalakkan. Seluruh negara mengalukan Belanjawan yang telah disediakan dengan penuh teliti serta mengambil kira kepentingan semua pihak dan objektif-objektir perkembangan negara.

Tuan Speaker, pada hari ini saya ingin memulakan ucapan ini dengan pandangan saya berkaitan dengan Dasar Ekonomi Nasional yang sedang dirancang sebagai pengganti kepada Dasar Ekonomi Baru yang akan berakhir tahun 1990.

Tuan Speaker, 15 tahun telah berlalu sejak Dasar Ekonomi Baru dilancarkan. Dasar itu telah dirangka khas untuk membetulkan ketidakseimbangan ekonomi di antara beberapa golongan masyarakat di Malaysia yang telah dikenalpasti sebagai punca utama tragedi yang menimpa negara kita dalam tahun 1969.

Tuan Speaker, memanglah tidak boleh dinafikan bahawa dasar itu telah membantu ramai orang bumiputera di Semenanjung Malaysia. Walau bagaimanapun, saya ingin membawa perhatian Dewan yang mulia ini kepada perangkaan yang dikeluarkan baru-baru ini oleh Jabatan Perangkaan Sarawak yang menunjukkan situasi yang sangat suram dan menyedihkan dialami oleh masyarakat Dayak. Misalannya perangkaan itu menunjukkan bahawa 65% dari kaum Dayak Bedayuh masih hidup di bawah garisan kemiskinan. Angka bagi Dayak Iban pula ialah 63%. Bagi masyarakat Dayak yang lain gambarannya hampir serupa. Perangkaan itu juga menunjukkan masyarakat Dayak keseluruhannya tertinggal dalam bidang pelajaran kesihatan dan ekonomi.

Tuan Speaker, perangkaan itu juga jelas menunjukkan bahawa selain daripada memberi faedah kepada sebilangan kecil sahaja masyarakat Dayak, sebahagian besar kaum Dayak telah tidak dapat menikmati faedah yang sepatutnya dan malahan ada yang langsung tidak mendapat sebarang manfaat daripada Dasar Ekonomi Baru itu.

Tuan Speaker, saya bukanlah hendak menuduh Kerajaan bahawa Dasar Ekonomi Baru telah disediakan tanpa mempertimbangkan kemunduran kaum Dayak, tetapi saya ingin menyatakan bahawa dasar tersebut tidak dilaksanakan dengan sungguh-sungguhnya di kalangan masyarakat Dayak seperti yang seharusnya dan sepatutnya dilakukan.

Walaupun bagaimanapun Tuan Speaker, saya boleh memberi jaminan kepada Dewan ini bahawa masyarakat Dayak masih menaruh harapan dan kepercayaan kepada Kerajaan dan negara. Mereka masih berharap agar Kerajaan di suatu masa kelak akan memberi perhatian yang khusus

kepada masalah Dayak dan operasi mereka untuk berdiri sama tinggi dengan masyarakat lain dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya merayu kepada Kerajaan, pada juru rancangan negara dan ahli pembentuk dasar, untuk memberi perhatian khusus kepada keadaan dan keperluan masyarakat Dayak apabila merumuskan Dasar Ekonomi Nasional atau yang serupanya. Saya bukanlah menyatakan bahawa kemiskinan dimonopolikan oleh kaum Dayak, tetapi angka-angka yang telah saya sebutkan tadi jelas menggambarkan keadaan sebenar dan dengan itu masalah-masalah khusus seperti ini haruslah diberi perhatian istimewa. Jelaslah bahawa kaum Dayak masih lagi ketinggalan dalam ekonomi, pelajaran mahu pun kesihatan.

Tuan Speaker, di sini inginlah saya mengatakan bahawa ketidakseimbangan ini masih belum terlambat untuk diperbetulkan. Masalah masyarakat Dayak ini jika tidak diatasi dengan betul akan menjadi masalah nasional dalam jangka panjang.

Tuan Speaker, sekarang izinkan saya menyentuh tentang pelajaran pula. Pada masa yang lalu saya telah menyatakan sokongan penuh saya kepada dasar Kerajaan untuk mengkhaskan peratus tertentu tempat-tempat di universiti dan tain-lain institusi pengajian tinggi kepada pelajar bumiputera.

Selanjutnya saya juga menyokong penuh ke atas penubuhan sekolah sains dan kolej-kolej sains bagi pelajar-pelajar bumiputera. Saya tidak boleh menafikan bahawa pelajar keturunan Dayak telah mendapat faedah daripada dasar ini.

Walau bagaimanapun, Tuan Speaker, saya ingin merayu kepada

Kerajaan dan terutama kepada Kementerian Pelajaran untuk menerima masuk lebih ramai lagi pelajar Dayak ke universiti-universiti dan institusi-institusi pengajian tinggi yang lain sama ada dalam atau luar negeri. Khususnya, Tuan Speaker, saya ingin melihat lebih ramai lagi pelajar Dayak diterima masuk ke kolej-kolej rendah sains MARA, sekiranya belum ada, maka berilah mereka peluang untuk menggunakan segala kemudahan yang ditunjukkan itu kepada mereka sebagai bumiputera. Lebih baik lewat daripada tidak ada langsung.

Sepanjang pengetahuan saya, Tuan Speaker, kemasukan ke kolej-kolej rendah sains MARA tidak diiklankan dengan sempurna di negeri Sarawak. Oleh itu izinkan saya mencadangkan kepada Kementerian Pelajaran supaya membuat sebarang yang lebih meluas berkenaan perkara ini.

#### *Pertanian:*

Sekarang izinkan saya beralih kepada bidang yang khusus iaitu pertanian. Saya pasti bahawa Kementerian Pertanian, di mana saya pernah berkhidmat seketika dahulu, sedang merancang satu dasar pertanian yang komprehehsif serta mengambil kira keanihan atau perbezaan yang wujud di berbagai wilayah dalam negara kita khususnya di Sarawak dan Sabah.

Seperti yang kita sedia maklum pelaksanaan sesuatu dasar memakan masa dan hasil kekesan dasar itu akan mengambil masa yang lebih lama lagi. Sementara menanti kesan dasar itu, saya dengan rendah diri ingin mengutarakan satu cadangan yang mungkin sedikit sebanyak akan dapat memperbaiki sektor pertanian dalam ekonomi negeri Sarawak.

Ahli-ahli Yang Berhormat mungkin masih ingat bahawa kira-kira 20 tahun yang lalu kita ada Skim A Program

Menanam Getah. Kebanyakan dari pokok-pokok yang kesemuanya berjumlah beberapa juta batang masih lagi belum ditoreh sehingga ke hari ini. Pokok-pokok ini bukan sahaja akan dapat membawa hasil yang baik kepada para pekebun bahkan akan membawa pertambahan pendapatan negara kita. Dengan itu saya ingin memohon bantuan daripada Kementerian Pertanian agar dapat menjalankan satu kajian keluasan ke atas pokok getah kahwin yang tinggi pengeluarannya ini dengan tujuan untuk menyatukan ladang-ladang kecil yang berdekatan kepada bentuk mini-estet.

Setiap pekebun yang menjadi tuan ladang kecil itu pula boleh diberi saham dalam mini-estet itu dan saham itu kelak menjadi asas untuk pembahagian keuntungan yang diperolehi darinya. Apabila ini dilaksanakan, maka akan menjadi jelaslah bahawa Sarawak mengalami kekurangan pekerja atau buruh ladang.

Dari segi ini, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Kementerian Buruh dan pihak Imigeresen akan dapat membantu dengan memberi pertimbangan untuk membenarkan Sarawak mendapat kuota bagi buruh daripada Filipina, Indonesia dan Bangladesh atau tempat-tempat lain mengikut keadaan.

Sekarang saya ingin beralih kepada industri lada hitam. Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan di atas langkah untuk menurunkan kadar duti eksport atas lada hitam serta menaikkan harga permulaan bagi penganan duti. Saya sebagai seorang wakil rakyat adalah menyokong tindakan ini dengan sepenuhnya oleh kerana pada pandangan saya industri lada hitam adalah penting pada negeri Sarawak.

Ini adalah jelas kerana pada masa kini kira-kira 40,000 keluarga tani atau 15% daripada penduduk negeri Sarawak terlibat secara langsung dalam penanaman lada hitam sama ada sebagai tanaman kontan tambahan atau sebagai punca utama usaha matapencarian dalam kehidupan mereka. Lebih kurang 80% daripada keluarga tani itu terdiri daripada bumiputera yang menyumbangkan lebih separuh daripada jumlah pengeluaran lada hitam.

Selain daripada itu industri lada hitam juga adalah berorientasikan eksport. Ini ialah kerana lada hitam adalah merupakan salah satu sumber pertukaran wang asing yang penting bagi negeri Sarawak dan pada puratanya dinisbahkan sebanyak \$95.4 juta bagi tempoh 1979-1984.

Masalah utama yang dihadapi oleh industri ini sebelum langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menurunkan kadar duti dan menaikkan harga permulaan bagi penganan duti adalah keadaan pasaran yang merosot di mana harga lada hitam telah menurun pada tahun 1981-1983. Kesan kepada keadaan pasaran yang merosot ini, Tuan Speaker, dapat dilihat dari kejatuhan keluasan tanaman lada hitam ini daripada 12,870 hektar dalam tahun 1980 kepada 11,000 hektar dalam tahun 1983.

Keadaan seperti ini, Tuan Speaker, menjadikan eksport lada hitam Malaysia jatuh daripada 37,450 tan pada tahun 1979 kepada 16,500 tan pada tahun 1984 dan pada tahun 1985 dijangka akan turun sehingga ke 15,000 tan. Walaupun keadaan pasaran lada hitam ini boleh berkembang pada tahun 1984 dengan harga lada hitam telah meningkat ke satu paras yang dianggap paling tinggi sekali dalam jangka mas 25 tahun ini, tetapi industri lada hitam terutama

petani-petani kecil tidak dapat menikmati faedah daripada kenaikan harga ini kerana kadar duti yang dikenakan pada masa itu adalah terlampau tinggi. Jemaah pemasaran lada hitam di bawah sebuah agensi yang mana saya, menjadi pengerusinya, sedar masalah-masalah yang dihadapi oleh industri lada hitam ini terutama sekali petani kecil dan seterusnya saya mencadangkan kepada pihak Kerajaan untuk menimbangkan isu mengenai perubahan kadar duti.

Oleh kerana kadar duti yang dikenakan adalah tinggi, petani-petani kecil tidak mendapat galakan untuk meningkatkan pengeluaran lada hitam. Maka sebagai salah satu langkah untuk menggalakkan petani meningkatkan pengeluaran lada hitam terutamanya pada masa keadaan pasaran yang baik seperti masa sekarang, Jemaah pemasaran lada hitam telah mencadangkan bahawa harga threshold yang tidak dikenakan cukai hendaklah ditingkatkan kepada \$3,500 setan lada hitam dan \$4,000 setan lada putih serta kadar duti yang maksima diturunkan daripada 50% kepada 30%.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tidak marahkah Yang Berhormat Menteri, Pengerusi agensi kemukakan dalam Dewan daripada kemukakan terus kepada Menteri?

**Datuk Edmund Langgu anak Saga:** Boleh juga, tetapi saya akan menghuraikan perkara ini di Dewan ini.

**Timbalan Yahg di-Pertua:** Sila teruskan. Saya seloroh sahaja!

**Datuk Edmund Langgu anak Saga:** Pada pandangan saya, Tuan Speaker, kadar duti yang telah dibuat ini adalah salah satu faktor yang mempengaruhi pengeluaran lada hitam di negeri Sarawak ini. Satu faktor yang sama

pentingnya yang patut dipertimbangkan oleh pihak Kerajaan ialah kos pengeluaran lada hitam untuk membantu petani-petani kecil supaya beban masalah-masalah pengeluaran yang dihadapi oleh mereka dapat dikurangkan.

Saya mencadangkan supaya pihak Kerajaan dapat menimbangkan pemberian subsidi kepada petani-petani kecil itu sekiranya pelaksanaan kepada keadaan ekonomi pada masa sekarang pihak Kerajaan tidak dapat memberi subsidi kepada petani-petani kecil. Walau bagaimanapun, satu lagi alternatif yang boleh dipertimbangkan oleh pihak Kerajaan ialah memberi pinjaman dengan mengenakan kadar faedah yang rendah melalui agensi-agensi Kerajaan seperti Bank Pertanian.

Salah satu masalah yang dihadapi oleh petani-petani kecil ialah sistem daya pengangkutan dalam negeri yang menyedihkan oleh kerana didapati bahawa kos pengangkutan yang dibiayai untuk membawa hasil mereka ke pasaran adalah terlalu mahal. Sekiranya sistem pengangkutan ini tidak diperbaiki, ia boleh menjadi kekal atau setidak-tidaknya akan terus mengakibatkan penurunan taraf hidup penduduk-penduduk luar bandar. Saya percaya bahawa satu rangkaian jalan raya luar bandar di Sarawak adalah perlu, asas yang sangat penting kepada pembangunan ekonomi kawasan luar bandar dan kepada peningkatan taraf hidup pekerja dan penduduk di kawasan itu.

Dengan ini saya menyeru kepada Kerajaan supaya dapat memberi keutamaan yang lebih kepada pembinaan lebih banyak jalan raya di luar bandar Sarawak dan tidak hanya menumpukan perhatian kepada pembaikan mutu jalan raya di dalam kawasan bandar sahaja. Dengan langkah-langkah ini saya percaya bahawa industri lada hitam akan

berkembang dengan pesatnya serta petani-petani akan digalakkan untuk meningkatkan pengeluaran dan dengan ini pendapatan mereka akan bertambah.

Di atas sebab-sebab yang saya berikan ini, saya dengan sepenuhnya menyokong langkah yang diambil oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk menurunkan kadar duti serta menaikkan harga permulaan bagi pengenaan duti dan sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan dan saya bagi pihak petani-petani kecil mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri.

Tuan Speaker, benarkan saya menyentuh sedikit tentang tajuk yang agak sensitif ini dan akan sememangnya mengusik perasaan kebanyakan rakyat negeri Sarawak. Tajuk ini, Tuan Speaker, ialah penanaman secara pindah-randah iaitu satu cara penanaman bagi rakyat peribumi Sarawak, merupakan satu kaedah penanaman, dan corak kehidupan mereka. Sebagai satu kaedah penanaman cara ini bermakna penebangan pokok-pokok dan hutan oleh kaum tani. Setelah kawasan itu dibiarkan kering, mereka akan seterusnya membakar bahan-bahan yang telah dikeringkan itu sebelum padi atau tanaman lain ditanam di kawasan itu. Setelah penuaian atau pemungutan hasil dilakukan, mereka akan berpindah ke bidang tanah yang lain pula.

Adalah penting untuk dinyatakan di sini bahawa petani itu akan kembali semula kepada kawasan yang pertamanya setelah tumbuhan tumbuh secukupnya. Oleh itu petani melakukan sistem pusingan dengan memberi perseimbangan kepada hutan yang dahulunya dibakar, dipulih atau dihidupkan semula.

Tuan Speaker, di bawah sistem ini seorang petani itu akan balik semula

ke bidang tanah asalnya, sekurang-kurangnya selepas 5 tahun ia berpindah, walau berapa tama pun ia tetap kembali semula. Penanaman cara pindah-randah ini adalah pusat kepada cara kehidupan serta kewujudan sosial dan kebudayaan orang peribumi di negeri Sarawak. Keadaan ini jelas kelihatan bagi rakyat Dayak di Sarawak yang secara kasarnya merupakan 50% atau separuh daripada rakyat Malaysia yang tinggal di Sarawak ketika ini.

Dalam hubungan ini, kita perlulah memahami beberapa perkara:

Pertama, memandangkan pertanian secara ini melibatkan sebahagian besar peratus penduduk di sana, ia menjadi satu isu yang agak penting;

Keduanya, kaum Dayak ialah bumiputera dan oleh itu identiti sosial dan kebudayaan mereka memerlukan satu rupa bentuk perlindungan sewajarnya. Di samping itu ia juga perlu diberi ruang untuk berkembang dan berpadu dengan semua masyarakat Malaysia.

Tuan Speaker, tajuk ini saya katakan sensitif bukanlah kerana digariskan oleh undang-undang atau ditafsir sedemikian oleh Perlembagaan kita tetapi kerana memandangkan ia merangkumi kaedah kehidupan serta kelaziman pertanian dan penanaman cara pindah-randah bagi majoriti rakyat bumiputera di Sarawak.

Selanjutnya, Tuan Speaker, apabila kita memahami bahawa penanaman secara pindah-randah ini adalah darah daging kehidupan mereka, maka kita patut sedar juga bahawa kita bukan sahaja berhadapan dengan isu ekonomi di sini, bahkan juga isu sosial dan kebudayaan yang pastinya di kalangan kaum bumiputera Dayak di Sarawak bercucuktanam cara itu adalah sehubungan pula dengan pesta dan perayaan serta upacara-upacara lain di dalam kehidupan mereka.

Tuan Speaker, bagi beberapa waktu dahulu perkara penanaman secara ini telah menjadi satu isu yang makin membesar dalam negeri Sarawak. Beberapa orang tertentu telah menjelaskan kesan negatif yang diandaikan.

Pertamanya, penanaman pindah-randah ini telah disifatkan sebagai satu sebab pencemaran udara.

Saya masih ingat beberapa tahun lalu ketika langit berkabus di kebanyakan tempat di Sarawak, ada orang-orang yang mengatakan bahawa keadaan itu berpunca daripada musim membakar iaitu salah satu aktiviti penanaman pindah-randah itu. Seperkara yang menarik juga pada ketika yang sama dilaporkan terdapat letupan gunung berapi di Indonesia dan ini boleh juga membuat langit berkeadaan begitu. Walau bagaimanapun, sejak tahun-tahun itu tidak terdapat rungutan umum terhadap keadaan-berkabus itu sama ada dari kayu hangus atau gunung berapi.

Kedua, penanaman cara tersebut juga telah dipertikaikan kerana mengakibatkan pemusnahan hutan dan pada setiap tahun lebih banyak hutan ini musnah.

Ketiga, di kalangan pemerhati yang lebih mengetahui adalah diperhatikan bahawa cara itu tidak ekonomik atau membazir. Dalam erti kata lain, hanya sedikit bilangan orang yang boleh kaya dengan berusaha sedemikian. Satu penyelesaian yang dianjurkan ialah peralihan kepada penanaman kontan seperti getah, kelapa sawit, koko dan lada hitam.

Kritik-kritik ini mempunyai kebenaran yang berbeza. Bagi mereka yang telah menyatakan penanaman pindah randah itu sebagai pencemaran udara, mereka sebenarnya kurang arif. Walaupun ia menyebabkan kejadian udara berkabus, keadaan ini

tidaklah lama dan masih boleh ditanggung oleh kita. Sekiranya keadaan ini diburukkan lagi oleh letupan gunung berapi, maka sudah tentulah kesannya akan menjadi lebih lemah dan buruk.

Keduanya, memanglah tidak boleh dinafikan bahawa ada terjadi pemusnahan hutan yang bertambah berikutan cara pertanian yang dipraktikkan oleh petani itu. Adalah tidak dinafikan dalam beberapa dekad yang lalu ada terdapat tanah Kerajaan yang sah telah dimusnah dan dibakar oleh mereka ini, tetapi saya rasa sebahagian besar dari kawasan yang diusahakan itu adalah sememangnya milik mereka selama itu dan ada kalanya sudah dimiliki turun-temurun. Tanah ini digelar tanah customary rights atau tanah kawasan natives kerana selalunya memandangkan Kerajaan tidak mempunyai cukup kemudahan, tanah-tanah ini belum diukur. Oleh itu, kadangkala nampak seolah-olah mereka mengambil tanah Kerajaan tetapi pada hakikat sebenarnya mereka mengusahakan tanah mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah menerima pertanyaan dari masa ke semasa dari orang-orang daripada Sarawak mengenai perkara ini. Sepanjang pengetahuan saya, lebih banyak tanah pertanian telah dimusnahkan oleh pengusaha-pengusaha kayu balak yang kaya di Sarawak.

Ketiga, dari segi ekonominya adalah benar penanaman cara pindah randah ini meraih pulangan yang menurun. Sebagai satu daya penanaman ianya tidaklah cekap dan menggunakan dan yang lebih buruk la memerlukan banyak tenaga dan masa daripada mereka yang terlibat. Setelah menyedari batasan-batasan penanaman pindah-randah tersebut, saya ingin membangkitkan isu option, dengan erti kata lain sekiranya apa

juga sebab dan alasan cara bercucuk tanam begitu hendaklah dihapuskan. Apakah pilihan-pilihan tain yang ada bagi petani-petani yang terlibat? Bolehkah kita menggalakkan skim tanah ataupun penempatan semula. Sebagai rakyat Malaysia yang taat, adalah wajib kita mencari alternative yang boleh diterima. Ada kemungkinan beberapa pilihan yang boleh dimaju dan diamalkan.

Sukacita saya menyatakan di sini di antaranya sudah pun dilaksanakan. Message yang menyeluruh yang saya terima daripada Ketua-ketua kaum petani di negeri Sarawak ialah mereka berhasrat untuk menerima perubahan yang bersesuaian dengan keperluan dan aspirasi mereka. Mereka memangnya mahukan skim-skim pertanian dan rela mengambil bahagian dan bekerjasama dengan agensi-agensi pelaksanaan Persekutuan atau Negeri. Malahan lebih ramai lagi yang mahukan tanah mereka diukur sebagai langkah awal ke arah penyertaan dalam kehidupan baru bagi mereka.

Selanjutnya saya dapati orang yang sebenarnya berhasrat untuk mengalami perubahan, seperti katanya, menikmati kesan kemerdekaan. Dari masa ke semasa mungkin ada manifestasi atau apa yang digelar pembangkangan. Tetapi dengan pemberian penjelasan yang cukup dan berkesan dan perhubungan awam sikap flexibility pihak para perancang dan kerelaan untuk mendengar kepada kemahuan dan rungutan orang ramai di dalam penerimaan perubahan-perubahan, saya percaya sebilangan besar golongan yang dipanggil pembangkang dan elemen anti-pembangunan akan lenyap begitu sahaja. Di samping itu, jika sekiranya kita bertujuan untuk memastikan siapa sebenarnya yang bertanggungjawab atas pemusnahan kawasan perhutanan Sarawak, maka

lebih wajar jika kita mengkaji aktiviti-aktiviti pembalok-pembalok di negeri ini. Misalnya beberapa banyak keluasan hutan yang telah ditebang oleh golongan pembalok dalam tempoh 15 tahun yang lalu berbanding dengan kawasan yang dikerjakan oleh kaum petani pindah-randah. Siapa pula yang telah mengakibatkan pencemaran air di kuala sungai?

Di beberapa tahun kebelakangan ini telah banyak rungutan dan aduan berkaitan dengan pencemaran alam sekitar dan tuntutan pampasan yang diutarakan terhadap pembalok-pembalok ini. Saya juga ingin memaparkan di sini bahawa pembalok-pembalok ini telah dengan sewenang-wenangnya memusnahkan kawasan hutan yang semakin meluas. Malahan di dalam tempoh ratusan tahun dalam mana pertanian pindah-randah telah dipraktikkan itu tidak akan dapat menyamai kadar pencapaian pembalok-pembalok ini dari segi pemusnahan kawasan perhutanan negeri Sarawak.

Sekarang saya beralih kepada projek tenaga haidro elektrik Bakun. Projek ini telah menarik perhatian sewajarnya baik dari dalam mahupun luar negeri. Institusi kewangan juga telah turut hebat dan bersemangat tentang kemungkinan bagi menguruskan sumber dan penggunaan kewangan bagi projek itu. Sementara rakan politik kita pula menjadikannya sebagai satu modal politik mereka.

Seperkara yang dilupakan terutamanya oleh pihak Pembangkang ialah projek ini bukanlah bertujuan untuk memindahkan sumber kewangan yang dikhaskan bagi pembangunan di bidang lain. Projek ini bukannya projek sosial tetapi ianya merupakan sebuah viable business yang menguntungkan untuk diterokai dan akan dengan sendirinya mendatangkan faedah kepada negara kita. Maka ia seharusnya dianggap

begitu. Saya harap Yang Berhormat Menteri Kewangan akan mengambil makluman yang sewajarnya apabila projek ini diketengahkan kelak.

Ada khabar yang memberi fahaman bahawa laporan kajian kemungkinan untuk projek ini telah lama siap tetapi saya hairan mengapa Kerajaan belum mengumumkannya. Pada jangka saya mungkin pihak Unit Perancang Ekonomi belum menyiapkan penilaian projek itu dan saya berharap ianya tidak akan dijadikan alasan untuk sengaja menghapuskan cadangan itu dengan sebab tidak keputusan yang dibuat mengenainya.

Kelewatan ini akan memberi peluang bagi cadangan sumber tenaga alternatif dipertimbangkan memandangkan sekarang mungkin tidak akan dapat memenuhi semua permintaan dalam tempoh masa yang tidak begitu lama lagi. Saya bimbang sekiranya bekalan alternatif utama diluluskan untuk pelaksanaan projek Bakun kelak akan dianggap sebagai tidak perlu lagi walaupun pada hakikat ianya adalah kos alternatif yang terendah. Selain daripada membekalkan bekalan elektrik dengan kos rendah cadangan projek Bakun ini juga mempunyai faedah-faedah lain yang antaranya adalah seperti berikut:

- (1) Pelaksanaan projek itu akan menimbulkan keperluan pembinaan jalan raya-jalan raya besar utama yang akan memberi kemudahan lalu lintas melalui satu kawasan yang subur. Kawasan ini menawarkan bidang yang mencukupi untuk pembangunan dan pertanian yang menjadi tulang asas pembangunan di Sarawak.
- (2) Penduduk tempatan akan mendapat peluang berpindah daripada kawasan yang dilanda kemiskinan serta amalan pertanian yang ketinggalan

zaman. Jalan raya akan mengurangkan jarak perjalanan mereka di pusat-pusat bandar di mana mereka akan berpeluang untuk menyaksi dan menyertai cara kehidupan moden. Hakikat ini tidak dapat dielakkan tetapi seharusnya mereka hadapi dengan tabah.

- (3) Penyampaian tenaga menerusi cable volta tinggi dasar laut menjadi simbol keazaman integrasi nasional kita dan menghilangkan rasa takut dan kesangsian di antara rakyat di Sarawak, Sabah dengan Semenanjung.
- (4) Negara kita juga akan boleh menggunakan peluang ini untuk membuktikan sumbangannya terhadap kerjasama antara Wilayah dengan memulakan fasa pertama, apa yang disebut sebagai regional power grid.

Saya sememangnya menyedari kerumitan kewangan yang dihadapi oleh negara kita masa kini. Menyedari hakikat ini saya ingin mencadangkan agar projek tenaga haidro Bakun ini dilaksanakan dalam dua peringkat. Fasa 1 bolehlah merangkumi pembinaan ampangan dan menyampaikan tenaga elektrik kepada semua bahagian Borneo Utara iaitu Sarawak, Sabah, Kalimantan Barat dan Brunei. Fasa ini mesti dilakukan segera.

Fasa 2 melibatkan perletakan cable votta tinggi dasar laut yang boleh ditangguhkan sehingga keadaan kewangan negara mengizinkan.

Kos projek ini pula boleh dibahagi dua, sekiranya aliran penyampaian ke Semenanjung tidak dimasukkan. Tenaga elektrik bagi Sarawak dan jirannya akan menjadi murah dan kos rendah ini akan menarik industri berat yang mana saya percaya lebih sesuai bagi tempat-tempat yang mempunyai

pasaran yang baik dan berpotensi untuk pertumbuhan industri tetapi tidak ramai penduduknya seperti Bandar Bintulu.

Saya merayu dengan rendah hati supaya saranan saya diberi peluang untuk dipertimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Lumut.

6.15 ptg.

**Tuan Ng Cheng Kuai (Lumut):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana usahanya yang gigih ke arah pemulihan ekonomi negara kita. Cadangan-cadangan beliau terkandung dalam Belanjawan pada hari Jumaat lalu merupakan ketekunan Kerajaan ke arah menggerakkan ekonomi negara kita.

Namun demikian pada hemat saya ada satu bidang yang masih belum diperangi oleh Kerajaan. Jika dibenarkan berterusan ia akan terus menghampakan apa yang dihasratkan oleh Yang Berhonnat Menteri Kewangan. Hal yang saya maksudkan ialah peraturan-peraturan ciptaan jabatan-jabatan Kerajaan yang ketat dan restrictive yang menjejaskan suasana perniagaan dan pelaburan bagi tempatan mahu pun asing. Secara langsung atau tidak langsung yang membuatkan sektor-sektor tertentu memasuki "gostan gear". Kedudukan ini tidak selari dengan lumayan.....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, apa itu "gostan gear"?

**Tuan Ng Cheng Kual:** Dia masuk "geargostan". (*Ketawa*)

Kedudukan ini tidak selari dengan laungan-laungan pemimpin-pemimpin kita iaitu menggerakkan sektor

swasta. Saya memang mengakui bahawa pada keseluruhannya asal usul peraturan-peraturan adalah bertujuan untuk mencapai matlamat-matlamat tertentu yang akan menghasilkan faedah kepada masyarakat kita.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi terdapat peraturan-peraturan yang secara tidak sengaja menghalang tercapainya matlamat-matlamat jangka panjang Kerajaan. Misalnya ada Kerajaan-kerajaan Negeri yang mengenakan syarat-syarat seperti berikut: Pemilihan pembeli-pembeli rumah hendaklah dibuat oleh Jawatankuasa Tanah dan Daerah dan diluluskan oleh pihak berkuasa negeri yang mengikatkan semua pemaju-pemaju perumahan.

Tuan Yang di-Pertua, ekoran daripada sekatan itu pihak penganjur-penganjur koperasi dan negeri-negeri berkenaan telah mengeneipkan atau membatalkan projek-projek perumahan bagi ahli-ahlinya. Sebenarnya koperasi-koperasi merupakan jentera yang terbaik bagi menyahut seruan Kerajaan dalam membekalkan rumah-rumah kepada ahli-ahlinya dengan harga yang lebih menarik dan berpatutan, kerana pertubuhan-pertubuhan tersebut tidak mengutamakan pembolotan keuntungan. Sebaliknya falsafah mereka ialah keuntungan hendaklah diwarisi dan dinikmati oleh ahli-ahlinya yang kebanyakannya terdiri dari golongan berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi apa boleh buat sekatan itu mensyaratkan pemilihan semua calon bagi rumah-rumah yang bakal dibina oleh sesiapa pun adalah tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Pemilih Daerah. Menurut taksiran Jawatankuasa tersebut, pemilihan merangkumi pemohon-pemohon yang layak walaupun projek-projek perumahan adalah diusahakan oleh koperasi-koperasi semata-mata untuk

ahli-ahlinya. Jawatan tersebut tidak boleh menghadkan atau mengkhaskan pembahagian rumah kepada ahli-ahli koperasi sahaja.

Adalah ketara sekatan ini memadamkan pertumbuhan sektor perumahan yang dikenali sebagai injin pertumbuhan bagi pembinaan. Ia nampak bercanggah dengan aliran pemikiran Kerajaan iaitu sektor swasta digalakkan melabur dalam membina rumah-rumah kos rendah supaya bebanan Kerajaan dapat diringkaskan.

Tuan Yang di-Pertua, disebabkan koperasi-koperasi adalah di bawah bidangkuasa Kementerian pembangunan Negara dan Luar Bandar, saya merayu kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar supaya menasihatkan semua Kerajaan Negeri mengecualikan projek-projek perumahan anjuran koperasi daripada sekatan kini. Saya percaya rakan-rakan beliau di peringkat Kerajaan-kerajaan Negeri akan menyambut nasihat beliau dengan baik demi kepentingan pembangunan koperasi-koperasi dan ahli-ahlinya.

Tuan Yang di-Pertua, disebabkan peraturan itu, satu Jawatankuasa Pemilihan terpaksa ditubuhkan di semua Pejabat Daerah yang berkenaan bagi menapis dan menyediakan senarai calon-calon bagi projek-projek perumahan swasta.

Malangnya, Tuan Pegawai Daerah yang telah memikul tanggungjawab berat mempengerusikan sebanyak 67 jawatankuasa-jawatankuasa di peringkat daerah terpaksa menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa kecil bagi tiap-tiap projek perumahan bagi melaksanakan kehendak peraturan itu.

Disebabkan kekurangan tenaga, jentera Kerajaan di peringkat daerah

tidak mampu berfungsi dengan cekap dan cepat dalam hal ini. Jadi tidaklah hairan ada seorang pengarah pengurusan yang mewakili sebuah syarikat yang disenaraikan di Pasaran Saham Kuala Lumpur menyatakan pada September tahun ini bahawa projek perumahan mereka telah siap dibina dalam tempoh satu tahun tetapi senarai calon-calon yang sah bagi rumah-rumah kos rendah dari Kerajaan hanya disediakan 13 bulan kemudian. Kelewatan dalam menyediakan senarai calon-calon yang berjaya mengakibatkan syarikat tersebut mengalami kerugian sebanyak \$1.3 juta.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada masalah wang ringgit, kelewatan selama 13 bulan itu mewujudkan perasaan curiga di kalangan pembeli terhadap keberkesanan Kerajaan dan pemaju yang berkenaan. Tambahan pula, Tuan Yang di-Pertua, sekatan seperti ini telah ketinggalan zaman kerana beribu-ribu rumah termasuk projek-projek Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri tidak boleh dijual, jadi apa gunanya diteruskan sekatan ini? Adakah ternyata peraturan-peraturan yang tersebut telah menjadi usang kerana didahului oleh perkembangan-perkembangan baharu. Dahulu ada amalan yang tidak sihat iaitu bayaran wang "under the counter payment" tetapi sekarang tidak kedengaran mengenainya.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu cara yang berkesan bagi memerangi rasuah seperti ini iaitu diluluskan lebih banyak projek; apabila keadaan pembekalan melebihi pembelian, amalan rasuah itu akan mati dengan sendirinya. Tidak payah lagi dikenakan sekatan atau membuatkan Pegawai-pegawai Daerah bersusah payah dalam memilih calon-calon yang sesuai. Tuan Yang di-Pertua, jika syarat ini dikenakan ke atas

pemberian rumah-rumah kos rendah ia mungkin adalah munasabah, tetapi apabila ia merangkumi segenap lapisan projek perumahan, termasuk rumah dua tingkat, rumah kedai, rumah berkembar dan rumah banglo, ia lebih membebankan Jawatankuasa Pemilihan tanpa mencapai apa-apa. Ini amat menakutkan para pemaju kerana kemungkinan besar mereka ditimpa nasib yang sama dengan seorang pemaju yang saya sebutkan tadi, iaitu selepas projeknya siap dibina, mereka terpaksa menunggu 13 bulan untuk senarai calon-calon yang berjaya daripada Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sekatan-sekatan atau peraturan-peraturan yang tidak dapat ditadbirkan secara cepat tentunya akan mendatangkan perasaan curiga, Kerajaan "justice delayed is justice denied". Di sini saya ingin memberi satu contoh. Terdapat peraturan-peraturan baharu yang diperkenalkan yang mana semua pembinaan tokong atau kuil, baik berbentuk bangunan baharu atau pembinaan semula, hendaklah mendapatkan kelulusan dari pihak berkuasa dahulu sebelum dimulakan projek mereka. Satu kes aduan telah saya terima yang merupakan "justice delayed is justice denied". Ada sebuah tokong yang bersejarah 70 tahun yang dianuti oleh beribu nelayan tempatan. Pihak penganjurnya memohon dibina semula kerana bangunan tokongnya terlalu usang. Permohonan asal mereka dibuat pada bulan Mei 1985 dan surat sokongan pihak Majlis Daerah Tempatan dimajukan kepada pihak tertentu. Rayuan demi rayuan melalui saluran-saluran tertentu dibuat tetapi malangnya sehingga bulan ini masih belum ada satu keputusan. Masalah tokong ini sekarang adalah diwujudkan oleh kelemahan pentadbiran, secara tidak langsung ia bercanggah dengan cogankata Kerajaan "bersih, cekap dan amanah". Jadi tidak hairanlah jika kaum nelayan

tidak begitu menyokong Kerajaan kita pada pilihanraya umum.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh satu peraturan imigresen yang menghalang kemasukan pelancong-pelancong dari luar negeri. Disebabkan wujudnya peraturan yang memerlukan pemegang-pemegang Sijil Pengenalan (Certificate of Identity) dari Hongkong memohon visa sebelum ketibaannya di Malaysia, para usahawan Hongkong yang bertaraf Pemegang Sijil Pengenalan memilih mengelakkan perjalanan-perjalanan mereka ke Malaysia, baik untuk urusan perniagaan mahupun melancong.

Apa yang terjadi sekarang ialah usahawan-usahawan Malaysia terpaksa menaiki kapal terbang ke Singapura, menginap di hotel-hotel Singapura semata-mata untuk urusan perniagaan di situ dengan para peniaga Hongkong yang bertaraf Pemegang Sijil Pengenalan. Apa yang berlaku dalam dunia perniagaan ialah urusanniaga hendaklah dicapai dengan cepat. Mereka tidak boleh menunggu dua minggu untuk kelulusan visa dari Kuala Lumpur, lebih-lebih lagi adalah amat sukar bagi mereka mengubahsuaikan tarikh-tarikh urusanniaga-urusanniaga selaras dengan jadual kumpulan pelancongan yang hendak mereka menumpang ke Malaysia. Memang ada maksud tertentu dalam menyekat lawatan pemegang-pemegang Sijil Perjalanan Hongkong, tetapi ia bukan sahaja mengakibatkan kerugian kepada industri pelancongan tetapi secara tidak langsung mengalirkan wang tukaran asing para peniaga kita ke Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, saya perhatikan wujudnya penempatan-penempatan penjaja anjuran Kerajaan di sepanjang Lebuhraya Pantai Barat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa sudah cukup. Yang Berhormat boleh sambung esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang.

Dewan akan bersidang semula pada pukul 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*